

LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Memperkasa Kehidupan Mengembalikan Harapan

LAPORAN BERSEPADU 2025

Paparan Ringkas 2025

Sosial

RM 1.33 bil

Jumlah Agihan Zakat 2025

80,022

keluarga asnaf fakir, miskin dan mualaf dibantu

2,871

keluarga berjaya keluar daripada status fakir / miskin

Tadbir Urus

100%

Tiada Isu Syariah

Alam Sekitar

203 tCO_2e

Pelepasan GHG Skop 1

2,187 tCO_2e

Pelepasan GHG Skop 2

71,238 m^3

Penggunaan air

47,376 kWh

Penjanaan tenaga solar

Anugerah

Cambridge Islamic Financial Award 2025

Indonesia Fundraising Award 2025

Organisation Of The Year

Majlis Anugerah Zakat Kebangsaan 2025

Laporan Bersepadu 2025

Memperkasa Kehidupan, Mengembalikan Harapan



Sasaran Pembaca

Laporan Bersepadu ini disediakan untuk para muzakki dan pihak berkepentingan Lembaga Zakat Selangor (MAIS)(selepas ini dirujuk sebagai 'Zakat Selangor').

Justifikasi Konsep

Laporan Bersepadu ini membuktikan komitmen teguh kami terhadap akauntabiliti dan penciptaan nilai yang melangkaui pelaporan kewangan semata-mata. Ia menggambarkan satu usaha bersama yang didorong oleh keprihatinan para muzakki, ketabahan golongan asnaf serta komitmen kami dalam memelihara amanah, menyatukan masyarakat dalam satu gerakan, di mana impak sebenar diukur melalui perubahan bermakna dalam kehidupan insan.

Penghargaan

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, atas naungan Baginda yang sentiasa menjadi inspirasi kami. Terima kasih juga diucapkan kepada para pengeluar zakat dan rakan strategik yang membolehkan kami merealisasikan misi membantu golongan asnaf. Kami berharap dapat terus memperkukuh hubungan yang dinamik bersama semua pihak berkepentingan pada masa hadapan.

Isi Kandungan

A Amanat Pemimpin Kami

8 Perutusan Pengerusi
10 Mesej Ketua Pegawai Eksekutif

B Kenali Zakat Selangor

13 Tentang Kami
14 Mandat dan Pengawasan Institusi
15 Perjalanan Kami
16 Pensijilan & Pengiktirafan
17 Rangkaian Kami
18 Prinsip Teras Kami

C Strategi & Penciptaan Nilai

20 Rangka Kerja Kelestarian
21 Penilaian Materialiti
22 Perkara Material
23 Model Penciptaan Nilai Bersepadu
25 Creating Shared Value (CSV)
26 Penglibatan Pihak Berkepentingan
31 Pendekatan *Social Value International (SVI)*

D Tadbir Urus & Akauntabiliti

33 Struktur Tadbir Urus Korporat
34 Peranan & Tanggungjawab
35 Profil Ahli Lembaga Pemegang Amanah
41 Struktur Pengurusan
42 Profil Kepimpinan Kanan
52 Asas Tadbir Urus & Akauntabiliti
53 Pematuhan Syariah
54 Pengurusan Risiko
55 Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab
57 Pengurusan Warga Kerja & Bakat
60 Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)
62 Pengurusan Rantaian Bekalan
63 Pengurusan Keselamatan Siber

E Prestasi 2025

66 Prestasi Kutipan & Agihan Zakat
67 Menghargai Sumbangan Muzakki
68 Memperkasakan Asnaf Melalui Zakat
79 Program Creating Shared Value (CSV)
82 Berteraskan Kepercayaan, Berpandukan Integriti
86 Memperkasakan Modal Insan & Memacu Prestasi
91 Melindungi Alam Sekitar

F Perancangan Masa Hadapan

96 Fokus Utama Pengurusan bagi Tahun 2026
97 Pelan Hala Tuju Strategik
98 Penutup

G Nadi Semasa

100 Program Komuniti
102 Kisah Kami

H Lampiran

112 Penyata Kewangan
121 Pengesahan SIRIM
123 Keterangan Gambar
124 Indeks Kandungan GRI
127 Glosari



Mengenai Laporan Bersepadu Kami

Laporan Bersepadu sulung ini menandakan satu pencapaian penting bagi Zakat Selangor. Ia mencerminkan komitmen kami terhadap ketelusan, akauntabiliti dan penciptaan nilai untuk pihak berkepentingan kami. Melalui Laporan Bersepadu ini, kami membentangkan bagaimana pengawasan kewangan, kecemerlangan tadbir urus dan impak sosial disepadukan bagi mencapai hasil yang mampan untuk asnaf, muzakki, warga kerja, rakan kerjasama, pengawal selia serta masyarakat awam bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Rangka Kerja dan Piawaian Pelaporan

Perincian rangka kerja dan piawaian pelaporan adalah seperti berikut:

(a) Piawaian *Global Reporting Initiative* (GRI) 2021

Piawaian Digunakan: Rujuk **Seksyen H: Lampiran**

Aplikasi: Dengan rujukan kepada piawaian GRI

(b) Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UNSDG) Utama



Aplikasi: Pengukuran impak sejajar dengan sasaran dan penunjuk UNSDG

(C) Rangka Kerja International Integrated Reporting Council (IIRC)

Aplikasi: Model penciptaan nilai, pendekatan modal, hubung kait dengan 5 program utama.

Skop dan Sempadan Pelaporan

Laporan Bersepadu ini meliputi prestasi kemampanan ibu pejabat kami, kesemua cawangan serta institusi bagi tempoh dari 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025.

Sempadan pelaporan ini merangkumi risiko, peluang dan hasil material yang timbul daripada entiti serta pihak berkepentingan utama di luar struktur pelaporan kewangan, di mana ia mempunyai impak yang ketara dan langsung terhadap keupayaan kami untuk mewujudkan, memelihara dan mengekalkan nilai bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Laporan Terdahulu:

- Laporan Tahunan 2024 (diterbitkan pada Julai 2025)
- Laporan Kelestarian 2024 (diterbitkan pada April 2025)

Kitaran Pelaporan : Tahunan

Perkara Material

Kandungan Laporan Bersepadu ini telah disediakan berdasarkan 11 perkara material yang dikenal pasti untuk organisasi kami.

Alam Sekitar	Sosial	Tadbir Urus
• Kecekapan Tenaga • Pengurusan Alam Sekitar • Perubahan Iklim	• Pembangunan Komuniti • Pengurusan Warga Kerja • Pembangunan Bakat	• Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko • Pematuhan Syariah • Pendigitalan Perniagaan • Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab • Pengurusan Rantaian Bekalan

Jaminan dan Pengesahan Data

Kutipan dan agihan dana zakat yang dilaporkan telah disemak oleh pihak bebas bagi memelihara kredibiliti Zakat Selangor. (Rujuk **Seksyen H: Lampiran**)

Selain itu, data mengenai penerima manfaat telah disahkan oleh badan bebas iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(a) Skop Jaminan:
Agihan zakat kepada penerima yang layak selaras dengan Program Pembangunan khusus dan kategori asnaf bagi tahun 2025.

(b) Piawaian Jaminan:

- International Standard on Assurance Engagement (ISAE) 3000
- Bursa Malaysia Securities Berhad (BURSA) Sustainability Reporting Guide

(c) Pernyataan Jaminan: Rujuk **Seksyen H: Lampiran**

(d) Tahap Jaminan: Jaminan Terhad

Penafian Kenyataan Masa Hadapan

Laporan Bersepadu ini mengandungi kenyataan tentang strategi dan jangkaan prestasi Zakat Selangor berdasarkan andaian setakat 31 Disember 2025. Pembaca diingatkan agar tidak terlalu bergantung padanya. Zakat Selangor tidak bertanggungjawab mengemas kini kenyataan ini kecuali atas keperluan peraturan.

Bagi tempoh ini, organisasi telah beralih daripada Laporan Kelestarian kepada Laporan Bersepadu. Tiada pelarasan semula dibuat pada maklumat terdahulu kerana data dan metodologi asal kekal sama. Perubahan ini bertujuan menambah baik format melalui penyepaduan maklumat kewangan dan bukan kewangan.

Pernyataan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga Pemegang Amanah Zakat Selangor memperakui tanggungjawabnya terhadap integriti Laporan Bersepadu ini dan telah menjalankan pemantauan kolektif dalam penyediaan serta pembentangannya. Lembaga berpuas hati bahawa maklumat yang terkandung dalam Laporan Bersepadu ini adalah tepat dan dibentangkan secara saksama.

Kebolehcapaian Laporan

Format Penerbitan:

- PDF (laporan penuh) – Boleh didapati di laman sesawang Zakat Selangor
- Laporan dalam talian interaktif - https://www.zakatselangor.com.my/laporan-lzs/
- Versi mesra mudah alih
- Naskhah cetak (pengedaran terhad)

Bahasa:

- Bahasa Malaysia (Utama)
- Bahasa Inggeris (Terjemahan penuh)

Maklum Balas Pihak Berkepentingan

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami terhadap penambahbaikan berterusan, kami mengalu-alukan sebarang maklum balas bagi mempertingkatkan kualiti pelaporan kami. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

- esg@zakatselangor.com.my
- dkk@zakatselangor.com.my

A Amanat Pemimpin Kami



Perutusan Pengerusi



Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail
Pengerusi,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pihak berkepentingan sekalian,

Tinjauan Keseluruhan 2025

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda yang setia meneruskan perjuangan baginda. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, Zakat Selangor telah mengharungi tahun 2025 dengan penuh keteguhan, matlamat yang jelas dan momentum yang berterusan.

Tahun ini hadir dengan cabaran yang tersendiri. Persekitaran ekonomi dan sosial menuntut kami untuk kekal tangkas dan peka terhadap keperluan asnaf serta masyarakat yang kian berkembang. Pencapaian kami pada tahun ini bukan sekadar cerminan komitmen warga kerja kami, malah merupakan bukti keberkatan dalam memikul amanah yang mulia ini.

Pencapaian-pencapaian utama yang dibentangkan dalam Laporan Bersepadu ini mengukuhkan lagi keyakinan yang menjadi teras institusi kami, bahawa zakat bersifat malar segar. Ia merupakan instrumen yang mampan dan apabila diuruskan dengan penuh keikhlasan serta disiplin, ia kekal menjadi antara wadah paling ampuh untuk pembangunan ummah.

Oleh itu, dengan penuh ketulusan dan rasa syukur, saya membentangkan Laporan Bersepadu ini kepada pihak berkepentingan sekalian.

Sorotan Utama Tahunan

Tahun 2025 merupakan tahun kemajuan yang bermakna buat Zakat Selangor berdasarkan pelbagai kayu ukur prestasi. Kami dengan sukacitanya melaporkan pertumbuhan berterusan dalam kutipan zakat, yang meningkat daripada RM1.22 bilion pada tahun 2024 kepada RM1.31 bilion pada tahun 2025. Peningkatan sebanyak 7.5% di seluruh negeri Selangor ini mencerminkan kemurahan hati serta kesedaran para muzakki yang kian bertambah dalam menunaikan kewajipan mereka.

Seiring dengan kutipan, kami kekal komited sepenuhnya dalam memastikan agihan dilaksanakan dengan penuh ketepatan dan ihsan. Bagi kami, setiap angka dalam rekod agihan bukan sekadar statistik, sebaliknya ia melambangkan kehidupan yang telah ditransformasikan secara bermakna. Pada tahun 2025, sebanyak 80,022 keluarga telah menerima bantuan, merangkumi 28,166 keluarga asnaf fakir, 47,108 keluarga asnaf miskin dan 4,748 keluarga asnaf mualaf. Ia mewakili setiap insan yang telah disantuni, bebanan yang diringankan daripada bahu mereka yang buntu serta maruah diri yang telah dipulihkan secara tertib dan berkesan.

Kami juga berbesar hati untuk berkongsi bahawa program pemerkasaan sosioekonomi jangka panjang kepada asnaf telah diperkukuhkan lagi pada tahun ini. Program-program ini terus memantapkan daya tahan jangka panjang keluarga asnaf menerusi sokongan bersasar, pemerkasaan ekonomi dan inisiatif pembinaan kapasiti. Sebagai contoh, Skuad Saidina Umar

(SSU) telah berjaya mengembalikan akses pendidikan kepada anak-anak yang telah lama tercicir daripada sekolah, manakala program Raikan Syawal pula menyalurkan sokongan bermakna serta bantuan hari raya kepada keluarga asnaf di Hulu Langat. Inisiatif sedemikian bukan sahaja memberikan kelegaan segera, malah perubahan sebenar dapat dilihat melalui peningkatan keupayaan, peluang dan pemulihan sinar harapan.

Dari sudut tadbir urus, kami telah memperkasakan amalan organisasi dan kerangka tadbir urus bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta keyakinan pihak berkepentingan melalui penerapan berterusan ISO9001 (Sistem Pengurusan Kualiti) dan ISO37001 (Sistem Pengurusan Anti-Rasuah). Ini merupakan satu bentuk penghormatan bagi menghargai amanah yang diletakkan oleh setiap muzakki terhadap institusi ini apabila mereka menunaikan kewajipan zakat melalui kami.

Tadbir Urus, Integriti & Pematuhan

Bagi Lembaga Pemegang Amanah (Lembaga) Zakat Selangor, tadbir urus bukan sekadar peraturan yang perlu dipatuhi, malah ia merupakan cerminan jati diri kami sebagai sebuah institusi. Bagi pihak Lembaga, saya ingin menegaskan kembali komitmen tidak berbelah bahagi kami terhadap piawaian tadbir urus yang tertinggi. Komitmen ini tidak akan goyah, tanpa mengira apa jua keadaan yang kami hadapi.

Pematuhan syariah kekal menjadi teras utama bagi setiap keputusan yang kami ambil. Ia merupakan kompas yang mengemudi segala urusan, bermula daripada hala tuju strategik yang paling utama hinggalah kepada keputusan operasi yang paling kecil.

Pengurusan risiko yang berkesan terus menerima perhatian penuh dan teliti daripada pihak Lembaga. Kami amat percaya bahawa sebuah institusi yang diamanahkan dengan mandat zakat mestilah sebuah institusi yang berdaya tahan, mampu menjangka cabaran dan menjulang akauntabiliti. Pengawasan strategik kami didorong oleh satu tujuan murni; iaitu untuk melaksanakan amanah yang diberikan oleh para muzakki dengan penuh cermat serta memastikan setiap pihak berkepentingan yang kami santuni dilindungi, dihormati dan dihargai.

Kami tidak sekadar mentadbir sebuah organisasi. Kami memikul tanggungjawab yang bersifat duniawi dan ukhrawi serta menggalasnya dengan penuh rasa tanggungjawab dan kesungguhan yang sewajarnya.

Kepercayaan Pihak Berkepentingan & Akauntabiliti Awam

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada anda semua atas kepercayaan yang telah diberikan kepada Zakat Selangor. Kepercayaan anda bukanlah sesuatu yang hanya kami nyatakan dalam kenyataan sebegini, bahkan ia adalah amanah yang kami pegang dan hayati pada setiap hari. Ia membentuk keputusan kami, mengukuhkan akauntabiliti kami dan memastikan kami sentiasa berpijak di bumi yang nyata secara jujur.

Saya berasa amat berbesar hati untuk berkongsi bahawa naskhah ini merupakan Laporan Bersepadu sulung Zakat Selangor. Kami mempersembahkannya kepada anda sebagai manifestasi ikhlas dan sepenuh hati terhadap komitmen kami dalam ketelusan, akauntabiliti serta penciptaan nilai jangka panjang.

> **"Hakikat ini sentiasa saya sanjungi, zakat menjangkaui sekadar bantuan kebajikan; ia adalah tuntutan agama untuk keadilan yang bukan sahaja meringankan beban, malah mengangkat darjat dan memperbaharui harapan."**

Zakat tidak mewujudkan kebergantungan, malah membina kehormatan. Ianya bukan kebajikan, tetapi transformasi menyeluruh bagi peribadi, sosial dan generasi, serta suatu pemangkin ampuh dalam memperkukuh ummah. Menjadi penghormatan tertinggi bagi kami untuk menggalas amanah ini dan kami akan terus melaksanakannya dengan penuh dedikasi, integriti serta keikhlasan yang tidak berbelah bahagi.

Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Mesej Ketua Pegawai Eksekutif



Encik Mohd Khaidzir Bin Shahari
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pihak berkepentingan sekalian,

2025 merupakan tahun yang amat membanggakan, di mana Zakat Selangor terus memacu kemajuan dan memberikan impak nyata kepada masyarakat, meskipun berdepan dengan persekitaran dunia yang sentiasa berubah.

Ringkasan Prestasi 2025

Antara pencapaian tahun ini, pertumbuhan Skim Potongan Gaji (SPG) amat bermakna bagi saya. Kejayaan menarik penyertaan pelbagai syarikat baharu membuktikan keberkesanan libat urus secara konsisten oleh pasukan kami. Pencapaian ini mencerminkan komitmen kolektif dalam memacu penyertaan bermakna program tersebut.

Prestasi SPG turut diperkukuh melalui kerjasama erat dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), subsidiari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan agensi penguatkuasaan. Sokongan padu mereka menjadi pemangkin utama kejayaan ini, sekali gus mencerminkan tekad bersama ke arah matlamat yang satu.

Melalui inisiatif jangkauan ini, kami membantu organisasi memahami tujuan mendalam di sebalik zakat serta realiti keperluan agihannya. Apabila kefahaman ini terbentuk, bahagian sumber manusia setiap syarikat mengambil peranan aktif sebagai penghubung, memudah cara pendaftaran dan membantu kakitangan muslim menunaikan kewajipan zakat secara konsisten menerusi potongan gaji bulanan mereka dengan lebih mudah.

Inilah keindahan model kami, ia bukan sekadar arahan daripada pihak atasan, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama di mana organisasi dan kakitangannya bersatu atas semangat ibadah.

Pelaksanaan Strategi: Pemerkasaan Melangkaui Bantuan

Strategi "Pemerkasaan Melangkaui Bantuan" bukan sekadar kerangka panduan, malah ia merupakan tunjang utama dalam setiap keputusan dan reka bentuk program kami tahun ini. Kami beralih secara tekad daripada kebiasaan bantuan jangka pendek kepada komitmen terhadap program yang membuahkan hasil yang terbukti, mampan dan benar-benar transformatif. Fokus kami merangkumi tiga tunjang utama: pekerjaan, keusahawanan dan pendidikan. Setiap tunjang direka bukan sekadar untuk menangani kesulitan semasa asnaf, malah untuk memenuhi aspirasi mendalam mereka. Kami percaya setiap asnaf berhak mendapat lebih daripada sekadar bantuan kecemasan; mereka berhak mendapat peluang untuk bangkit, berkembang dan berjaya.

Kecekapan Operasi & Pendigitalan

Kecemerlangan misi bermula dengan kecemerlangan operasi. Kami terus melabur dalam penambahbaikan proses dalaman dan pendigitalan perkhidmatan bagi memberikan pengalaman yang lancar dan menghormati para muzakki serta asnaf. Pengukuhan tadbir urus data kini membolehkan organisasi bertindak dengan lebih cekap dan akauntabiliti yang lebih kukuh, selaras dengan integriti amanah yang kami pikul.

Inovasi & Kerjasama Strategik

Potensi sebenar zakat dizahirkan melalui kolaborasi. Tahun ini, kami memperkukuh rakan kongsi rentas sektor awam, swasta dan komuniti bagi meluaskan jangkauan serta keberkesanan agihan. Semangat inovasi dalam membangunkan inisiatif baharu bagi menyahut keperluan semasa asnaf dan muzakki inilah yang memastikan Zakat Selangor kekal relevan.

Risiko, Kelestarian & Modal Insan

Kelestarian perkhidmatan memerlukan pengurusan risiko yang proaktif. Kami meletakkan pengurusan risiko operasi, kewangan dan reputasi sebagai keutamaan strategik bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan. Selain itu, pelaburan dalam modal insan diteruskan bagi membina pasukan yang kompeten secara profesional dan berpegang teguh pada prinsip.

Tujuh Nilai Teras kami kekal sebagai nadi institusi ini, menjadi piawaian harian warga kerja dalam memimpin dan berkhidmat. Dengan asas yang kukuh dan pasukan yang dedikasi, saya yakin Zakat Selangor berada pada kedudukan terbaik untuk terus memacu kecemerlangan buat asnaf dan muzakki. Bersama-sama, kita melangkah ke hadapan dan membawa perubahan.

Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

> **Komitmen kami kekal teguh untuk memperkasa Zakat Selangor sebagai institusi zakat berimpak tinggi dan berpandukan data, sekali gus meraih kepercayaan jitu daripada komuniti yang kami santuni.**

B Kenali Zakat Selangor



Tentang Kami



Ditubuhkan sejak 1994, Zakat Selangor diamanahkan untuk mengutip dan mengagihkan zakat di negeri Selangor bagi pihak DYMM Sultan Selangor. Selama lebih tiga dekad, kami memikul mandat penting untuk mengurus dan mengagihkan zakat demi mencipta nilai yang bermakna dan mampan bagi masyarakat sekali gus menterjemah kewajipan zakat kepada impak sosioekonomi yang nyata.

Fokus kami adalah melangkaui bantuan segera dengan menyelaraskan agihan zakat ke arah keberhasilan pembangunan seperti penjanaan pendapatan, pendidikan, akses kesihatan dan pemerkasaan komuniti. Melalui pendekatan ini, kami menyokong transisi asnaf ke arah berdikari; memperkukuh perpaduan sosial, mengurangkan ketidaksamaan serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan keseimbangan masyarakat di Selangor.

Beroperasi dalam kerangka tadbir urus dan syariah yang teguh, kami menyepadukan kepimpinan beretika dengan pengurusan institusi yang berkesan. Inovasi berterusan, pendigitalan dan libat urus pihak berkepentingan yang aktif membolehkan kami meningkatkan kecekapan operasi, membina kepercayaan awam serta memaksimumkan impak dana zakat. Pendekatan berdisiplin ini memastikan nilai dicipta dan dikekalkan bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang demi muzakki, asnaf serta ummah.

Status Perundangan

Zakat Selangor ditubuhkan di bawah **Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.**

Mandat

- **Melaksanakan kutipan zakat** daripada umat Islam di Selangor.
- **Mengagihkan zakat** kepada penerima yang layak (asnaf) di Selangor berdasarkan prinsip syariah.



Mandat & Pengawasan Institusi

Dengan perkenan DYMM Sultan Selangor dan sebagai agensi di bawah naungan MAIS, kami diamanahkan untuk menguruskan kutipan serta agihan zakat di negeri Selangor.



DYMM Sultan Selangor

Undang-undang Syariah / Islam

JABATAN MUFTI SELANGOR

- Jawatankuasa Fatwa

Hal Ehwal Agama Islam

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

- Jawatankuasa MAIS

Kehakiman

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

- Hakim Syarie / Pendaftar
- Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah

Jabatan Agama Islam Selangor

Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor

Agensi-agensi ditubuhkan di bawah MAIS

- Lembaga Zakat Selangor
- Perbadanan Wakaf Selangor
- UIS
- TERAS
- Yayasan Islam Darul Ehsan
- Baktisuci Holdings

Syarikat-syarikat ditubuhkan oleh MAIS

Perjalanan Kami: Matlamat & Kemajuan

Identiti kami hari ini dibentuk oleh evolusi, daya tahan dan komitmen yang teguh selama tiga dekad. Setiap pencapaian dalam perjalanan ini bukan sekadar mencerminkan pertumbuhan organisasi, malah membuktikan iltizam kami yang semakin mendalam terhadap komuniti yang disantuni.

2025

- Pelancaran ibu pejabat baharu kami, Menara Zakat Sultan Idris Shah, sebagai pusat perkhidmatan sehenti bagi meningkatkan kemudahan akses, kecekapan dan pelaksanaan perkhidmatan.
- Diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai penerima Cambridge Islamic Finance Award 2025 bagi kategori Institusi Islam Terbaik bagi Misi Kemanusiaan dan Bantuan Kecemasan, sekali gus mencatatkan penerimaan anugerah antarabangsa pertama organisasi dalam bidang kelestarian.

2024

- Penerbitan pertama Laporan Kelestarian yang selaras dengan UNSDG dan GRI, yang mengetengahkan aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).
- Memenangi Sustainability & CSR Malaysia Awards 2024 Organisation of the Year (Zakat Management) di bawah Public Well-Being Leadership Award.

2023

- Zakat Selangor melaksanakan inisiatif Zakat Selangor Peduli dengan jumlah agihan sebanyak RM69.3 juta.
- Agihan zakat sebanyak RM1.5 bilion telah disalurkan dan memberi manfaat kepada lebih 350,000 penerima di seluruh Selangor.

2022

- Kutipan dan agihan zakat melepasi pencapaian RM1 bilion.
- Menerima Employer of Choice Award dan pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS).

2020

- Bantuan Khas COVID-19 sebanyak RM5 juta diagihkan bagi menyokong penjaja, peniaga kecil dan golongan B40 yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2019

- Pusat Inovasi dan Pembelajaran Al-Biruni yang pertama ditubuhkan bagi kanak-kanak kurang berkemampuan yang menetap di kawasan bandar.

2017

- Pengambilalihan fungsi pengurusan agihan, bantuan kebajikan dan perkhidmatan pendidikan bagi mualaf daripada MAIS kepada Zakat Selangor.

2016

- Pusat Penjagaan Warga Emas ditubuhkan di Shah Alam (Bait al-Mawaddah).
- Penempatan agro-ekonomi Desa Alam Shah di Kelantan dibangunkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).
- Projek perumahan Laman Seri Ehsan di Kuala Krai, bantuan zakat sebanyak RM10.2 juta untuk keluarga yang terjejas akibat banjir.

31 TAHUN ZAKAT SELANGOR

2013

- Taman Desa Batu Bertangkup, Perlis telah dibina sebuah projek perumahan asnaf dan agro-ekonomi dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).
- Satu lagi pencapaian telah diraih dengan kutipan & agihan zakat yang melebihi RM500 juta.

2011

- Kaunter Bergerak diperkenalkan bagi memudahkan urusan kutipan dan agihan zakat di lokasi-lokasi yang mempunyai permintaan tinggi.

1998

- PZS telah diamanahkan untuk menguruskan agihan zakat, yang sebelum ini diletakkan di bawah Baitulmal MAIS.

1997

- PZS diberikan mandat untuk mengutip zakat di Selangor.

2004

- PZS mengutip dan mengagihkan zakat melebihi RM100 juta.
- PZS dianugerahkan MS ISO 9001:2000 bagi pengurusan zakat yang berkesan.

1996

- Nama PPZ kemudiannya ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS) juga dikenali sebagai PZS.

2009

- Kaunter Agihan Zakat Ekspres dilancarkan bagi memastikan bantuan segera sampai kepada asnaf yang layak.

1994

- Mendapat Perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk menubuhkan Pusat Pungutan Zakat (MAIS) atau PPZ pada 15 Februari 1994.

2006

- Distruktur semula daripada sebuah Sdn. Bhd. kepada Entiti Amanah di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan).
- Asrama pertama untuk anak-anak asnaf yang kurang bernasib baik ditubuhkan di Hulu Selangor (Bait al-Hasanah).

Pensijilan & Pengiktirafan: Kecemerlangan yang Diyakini

Kami menzahirkan komitmen terhadap kualiti, disiplin dan penambahbaikan berterusan melalui pensijilan serta pengiktirafan yang diterima di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Pensijilan

ISO 9001 : 2015
Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

ISO 37001 : 2016
Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)

Cambridge Islamic Financial Award 2025

Best Islamic Institution for Humanitarian and Relief Causes



Indonesia Fundraising Award 2025

Fundraising oleh Lembaga Zakat Asia Tenggara Terbaik



Sustainability & CSR Malaysia Awards 2025

Organisation Of The Year (Zakat Management Sustainability Award)



Majlis Anugerah Zakat Kebangsaan 2025

Anugerah Inovasi Zakat Terbaik (Agihan)




Anugerah Kategori Ikon Asnaf



Rangkaian Kami: Menyantuni Setiap Pelosok Selangor

Kecemerlangan tiada makna tanpa kemudahan akses. Menerusi rangkaian 19 cawangan di setiap daerah, kami memastikan setiap individu muslim sama ada pengeluar zakat atau asnaf dapat bergantung dengan kehadiran institusi yang diyakini dan berwibawa. Akses ini, yang diperkukuh melalui platform digital, menggambarkan komitmen kami terhadap perkhidmatan yang inklusif, saksama dan berpaksikan pengguna.



PETALING

Ibu Pejabat
Menara Zakat Sultan Idris Shah,
No. 1, Persiaran Bandar Raya,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

ALAMi
Bangunan Zakat Selangor,
3-01-1 Presint ALAMi,
Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik Seksyen 13,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

DAMANSARA
Masjid Mujahideen SS 21/23,
Damansara Utama,
46300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

MASJID NEGERI
Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
Tingkat Bawah Persiaran Masjid,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PUCHONG
No. 32, Jalan Puteri 4/2,
Bandar Puteri,
47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.

SUBANG JAYA
Masjid Darul Ehsan,
Subang Jaya, Jalan SS15/2E,
47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

KOMPLEKS UTC SHAH ALAM
Lot G-8A, Kompleks UTC Selangor@
Anggerik Mall,
No. 5, Jalan 14/8, Seksyen 14,
40000 Bandaraya Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

MASJID KOTA DAMANSARA
Jalan Sepah Puteri 5/21,
Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.

KLANG

KOMPLEKS MAIS KLANG
Lot 336G,
Jalan Meru Off Jalan Kapar,
41050 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

KUALA SELANGOR

KUALA SELANGOR
No. 2 & 4, Jalan Melati 3/19,
Bandar Malawati,
45000 Kuala Selangor,
Selangor Darul Ehsan.

SABAK BERNAM

SUNGAI BESAR
No. 6 & 7, PT 5607 & 5608,
Jalan Gemilang 1, Taman Gemilang,
45300 Sungai Besar,
Selangor Darul Ehsan.

HULU SELANGOR

KUALA KUBU BHARU
Tingkat Bawah Bangunan Haji Khalid,
Lot 16, Seksyen 7 Jalan Mat Kilau,
44000 Kuala Kubu Bharu,
Selangor Darul Ehsan.

SEPANG

SAUJANA KLIA
No. 38 & 40, Jalan Saujana KLIA,
Taman Saujana KLIA,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.

KUALA LANGAT

BANTING
No.19, Jalan Sri Pekan 5,
Medan Sri Pekan,
42700 Banting,
Selangor Darul Ehsan.

HULU LANGAT

KAJANG
G-08 & 1-08,
Jalan Reko, Saville Kajang,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.

BANDAR BARU BANGI
No.163A Jalan 8/1,
Seksyen 8,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

BANDAR BARU AMPANG
No.1A, Jalan Wawasan 4/6,
Bandar Baru Ampang,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan.

GOMBAK

TAMAN MELAWATI
Unit 340 A, Melawati Square,
Lorong Sarawak, Taman Melawati,
53100 Gombak, Kuala Lumpur,
Selangor Darul Ehsan.

BANDAR BARU SELAYANG
No. 17, Jalan 2/16,
Dataran Templer, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.

INSTITUSI

1. Bait al-Hasanah
2. Bait al-Mawaddah
3. Baitus Salam
4. Baitul Hikmah
5. Pusat Latihan Asnaf Selangor (PLAS)
6. Pusat Pembangunan Zakat Selangor (PPZS)

Prinsip Teras Kami

Organisasi kami dipandu oleh visi yang jelas, misi yang berfokus, objektif yang progresif serta nilai teras yang membentuk budaya kerja kami. Prinsip-prinsip ini memacu setiap strategi dan keputusan bagi memastikan keselarasan di seluruh organisasi. Kami berpandukan sifat amanah, ihsan dan adil.

Visi Kami

Menjadi peneraju institusi zakat yang mengamalkan piawaian pengurusan setanding dengan peringkat global

Misi Kami

Memberi perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat

Objektif Kami

- Meningkatkan keberkesanan agihan zakat
- Memaksimumkan kutipan zakat
- Memperkasa pengurusan zakat



Nilai Teras Kami

- Beriman
- Berilmu
- Inovasi
- Amanah
- Kerjasama
- Empati
- Komitmen

C

Strategi & Penciptaan Nilai




Rangka Kerja Kelestarian

Rangka kerja kelestarian kami menyelaraskan matlamat syariah, tanggungjawab sosio-ekonomi dan daya tahan institusi dengan jangkaan pihak berkepentingan. Ia menetapkan empat bidang tumpuan utama bagi menangani keutamaan ekonomi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus, demi memastikan hasil yang berimpak dan mampan sebagai institusi zakat yang dipercayai.

Rangka kerja ini menyepadukan fokus strategik dan komitmen berasaskan nilai untuk memperkasakan kesejahteraan asnaf, mengukuhkan kepercayaan awam serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan PBB (UNSDG), selaras dengan prinsip Islam. Ia menjadi rujukan utama dalam membuat keputusan, peruntukan sumber dan pengurusan prestasi di seluruh organisasi.

Melalui keberkesanan kutipan, agihan dan program pembangunan, rangka kerja ini membolehkan kami memelihara nilai pihak berkepentingan, memperkukuh kredibiliti institusi serta memacu visi kami sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi yang inklusif.



Penilaian Materialiti

Zakat Selangor memperkukuh pendekatan kelestarian melalui penilaian materialiti yang berstruktur. Penilaian ini memberikan perspektif holistik terhadap keutamaan kelestarian kami, membolehkan organisasi memfokuskan kepada isu yang paling relevan buat asnaf, muzakki dan pihak berkepentingan selaras dengan amanah sebagai institusi zakat negeri.

Penilaian komprehensif berkala, disokong oleh semakan tahunan, membolehkan kami kekal responsif terhadap dinamik sosioekonomi dan jangkaan pihak berkepentingan. Proses libat urus kami memastikan pengenalpastian isu kelestarian yang paling material terhadap operasi, prestasi dan penciptaan nilai jangka panjang.

Pada tahun 2023, kami telah menetapkan penanda aras bagi perkara material berdasarkan lanskap zakat semasa dan mengesahkan kepentingannya. Semakan susulan pada tahun 2025 telah mengesahkan kesemua 11 perkara material, dengan penambahbaikan dibuat bagi memperkukuh ketelusan serta keselarasan dengan impak dan tanggungjawab Zakat Selangor.

Proses berterusan ini memastikan strategi, inisiatif dan pelaporan kami sentiasa sejajar dengan perkara yang benar-benar penting.

Nota:
Untuk maklumat lanjut mengenai kemas kini perkara material kelestarian berdasarkan penilaian 2023, sila rujuk Laporan Kelestarian 2023 di **www.zakatselangor.com.my.**

Langkah-langkah utama yang dilaksanakan dalam proses penilaian adalah seperti berikut:

Pengenalpastian	Zakat Selangor menjalankan penilaian materialiti berdasarkan pertimbangan kemampanan yang berkaitan. Penilaian ini bertujuan mengenal pasti topik yang memberi kesan kepada operasi, matlamat organisasi dan jangkaan pihak berkepentingan. Sebanyak 20 topik material telah dikenal pasti untuk dinilai.
Penglibatan Pihak Berkepentingan	Bengkel Pembentukan Visi telah diadakan bersama pihak berkepentingan utama bagi mendalami kefahaman mengenai pertimbangan kemampanan yang penting serta menilai kesesuaian topik yang dicadangkan. Kesemua 20 topik tersebut kemudiannya dinilai dan diberi keutamaan berdasarkan kepentingannya kepada operasi Zakat Selangor.
Penentuan Keutamaan Topik Material	Sesi penglibatan bersama pengurusan kanan telah dilaksanakan bagi menilai, memperhalusi dan mengutamakan topik berdasarkan kaitannya dengan mandat serta tanggungjawab sosioekonomi Zakat Selangor. Topik yang bertindih telah digabungkan dan senarai akhir sebanyak 11 perkara material telah ditetapkan.
Pemantauan Berterusan	Setiap perkara material telah disepadukan dalam proses strategik dan operasi Zakat Selangor serta dihubungkan dengan inisiatif dan tindakan pengurusan risiko. Pemantauan dilaksanakan melalui struktur tadbir urus yang tersusun dalam rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) bagi memastikan keselarasan dengan tanggungjawab Zakat Selangor, pematuhan syariah dan jangkaan pihak berkepentingan.

Perkara Material

Perkara-perkara material ini telah disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah bagi memastikan keselarasan dengan visi, misi dan keutamaan strategik kami. Berpandukan 11 perkara material ini, kami kekal komited untuk mempertingkatkan ketelusan dalam metrik prestasi utama melalui usaha yang berterusan.

Tema Kemampanan	Perkara Material	Definisi
Menegakkan kepercayaan dan integriti melalui tadbir urus yang kukuh dan prinsip syariah	Pematuhan Syariah	Memastikan pematuhan terhadap peraturan dan undang-undang syariah bagi mengurangkan risiko dan kesan berkaitan ESG serta melindungi kepentingan pihak berkepentingan.
	Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko	Memerangi rasuah dan penyelewengan.
	Pengurusan Rantaian Bekalan	Meningkatkan kesedaran kemampanan dan melaksanakan amalan ESG yang baik dalam kalangan pihak berkepentingan di sepanjang rantaian nilai.
	Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab	Mewujudkan ketelusan, kebebasan dan akauntabiliti dalam pengurusan, agihan dan pelaporan kewangan Zakat Selangor melalui audit dan amalan pelaporan kewangan.
Menunaikan tanggungjawab kepada komuniti asnaf dan meningkatkan kualiti hidup mereka	Kebajikan dan Pembangunan Komuniti	Bertindak secara proaktif dan segera dalam inisiatif komuniti yang bertujuan meningkatkan taraf hidup komuniti asnaf.
	Pendigitalan Perniagaan	Mengambil kira perkembangan teknologi yang berterusan seperti AI, automasi dan usaha pendigitalan lain bagi membolehkan transformasi operasi Zakat Selangor yang berasaskan teknologi.
Melindungi alam sekitar melalui tindakan dan advokasi iklim	Pemeliharaan Alam Sekitar	Melibatkan langkah dan usaha yang membolehkan Zakat Selangor melindungi alam sekitar dan operasinya.
	Kecekapan Tenaga	Melaksanakan proses dan amalan bagi mengurangkan penggunaan tenaga, menurunkan kos tenaga dan meminimumkan kesan perubahan iklim.
	Perubahan Iklim	Impak positif dan negatif yang timbul daripada perubahan iklim yang boleh menjejaskan komuniti asnaf serta operasi Zakat Selangor.
Membangunkan, memupuk dan memberi inspirasi kepada bakat dalam tenaga kerja	Pengurusan Warga Kerja	Menjaga kesejahteraan warga kerja dan memupuk budaya organisasi yang inklusif.
	Pembangunan Bakat	Membangunkan kemahiran dan kompetensi warga kerja untuk memupuk tenaga kerja yang produktif dan mahir, serta mengekalkan warga kerja berprestasi tinggi.

Model Penciptaan Nilai Bersepadu

Model Penciptaan Nilai Bersepadu merupakan asas kepada pendekatan Laporan Bersepadu kami, yang mengemudi cara kami membina, memelihara dan meningkatkan nilai dalam memenuhi mandat yang diberi. Model ini mencerminkan sistem yang holistik, di mana pelbagai bentuk sumber digerakkan dan ditransformasikan melalui tadbir urus, operasi dan program strategik kami. Ini bagi memastikan keberhasilan sosioekonomi yang mampan untuk komuniti asnaf serta pihak berkepentingan yang lebih luas.

Di Zakat Selangor, model ini menyediakan asas yang berstruktur untuk menyelaraskan mandat, keutamaan strategik dan komitmen kemampanan kami dengan penyampaian nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan. Ia didorong oleh aktiviti teras dan operasi kami, termasuk kutipan zakat, mekanisme agihan berstruktur, program pembangunan asnaf, penglibatan pihak berkepentingan, inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang memastikan pelaksanaan mandat dijalankan secara cekap, telus dan berimpak tinggi.





Dengan menyatukan elemen-elemen ini, kami memperkukuh daya tahan institusi, meningkatkan responsif terhadap harapan pihak berkepentingan yang sentiasa berkembang sekaligus memastikan pelaksanaan mandat secara berdisiplin. Pendekatan bersepadu ini memperkasa akauntabiliti, menambah baik proses membuat keputusan dan membolehkan impak sosioekonomi yang mampan serta boleh diukur dapat disampaikan.

Natijahnya, impak yang kami cipta dizahirkan melalui tiga nilai utama yang saling berkaitan. Ini merangkumi usaha melahirkan komuniti asnaf yang berdaya saing dan berdikari, melalui bantuan serta program pembangunan yang mampan, memperkukuh kedudukan kami sebagai institusi zakat yang dipercayai melalui ketelusan, akauntabiliti dan penyampaian impak secara konsisten. Akhir sekali, model ini memastikan kewujudan ekosistem zakat yang mampan demi menjamin daya tahan dalam tempoh masa yang panjang, keterangkuman dan kekal relevan dalam menangani keperluan sosio-ekonomi ummah.

AKAUNTABILITI YANG JELAS : Mengintegrasikan kelestarian dalam operasi, menyokong dan berkolaborasi serta meningkatkan ketelusan dan pematuhan.

VISI Menjadi peneraju institusi zakat yang mengamalkan piawaian pengurusan setanding dengan peringkat global.

MISI Memberi perkhidmatan kepada umat Islam dengan penuh integriti dan profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat.

KERJA BERPASUKAN DAN KOLABORASI BERTERUSAN

MEMPERKUKUH ASAS

MODAL (Input)

Modal Kewangan
Dana zakat yang kukuh dan pengurusan kewangan yang cekap.

Modal Insan (Amil)
Tenaga kerja yang berwibawa, pembangunan profesional berterusan dan kepimpinan beretika.

Modal Intelektual
Repositori ilmu zakat, sistem berinovatif, analitik data, keupayaan penyelidikan dan pengetahuan syariah.

Modal Sosial dan Hubungan
Kepercayaan yang kukuh bersama muzakki, asnaf, ejen, rakan kerjasama, vendor dan semua pihak berkepentingan.

Modal Semula Jadi
Penggunaan sumber secara mampan dan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Modal Pembuatan
Infrastruktur yang efisien, platform digital dan kemudahan operasi. (Cawangan dan Pejabat Agihan)

Setiap modal diurus dengan tujuan untuk memaksimumkan penciptaan nilai sosial jangka panjang kepada pihak berkepentingan.

AKTIVITI PERNIAGAAN (Tujuan Kami)

Kutipan Zakat
Membuat kutipan zakat daripada individu dan perniagaan melalui pelbagai saluran, termasuk digital.

Agihan Zakat
Mengagihkan dana zakat kepada lapan kategori asnaf mengikut prinsip syariah.

Pembangunan Asnaf
Memperkasa asnaf untuk meningkatkan taraf hidup melalui sokongan dan bantuan dalam pendidikan, kerjaya dan keusahawanan.

Kesedaran Zakat
Meningkatkan literasi dan kefahaman mengenai zakat melalui platform digital dan fizikal.

Penyelidikan dan Pembangunan
Menjalankan penyelidikan bagi menambah baik pengurusan zakat, memenuhi pematuhan dan menangani keperluan syariah yang sentiasa berkembang.

OUTPUT

Jumlah Kutipan Zakat
Lebih daripada RM1 bilion zakat dikutip daripada muzakki setiap tahun.

Bilangan Muzakki
Peningkatan bilangan pembayar zakat menunjukkan kesedaran terhadap kewajipan berzakat dan kesedaran masyarakat.

Bilangan Asnaf
Peningkatan bilangan penerima manfaat, khususnya keluarga fakir dan miskin, menunjukkan keluasan impak dan capaian.

Jenis Bantuan Agihan
Gabungan bantuan yang bersasar disediakan mengikut keperluan khusus asnaf.

Jumlah Agihan Zakat
Lebih daripada RM1 bilion zakat diagihkan kepada lapan kategori asnaf setiap tahun melalui program berikut:

- **Pembangunan Ekonomi**
- **Pembangunan Institusi Agama**
- **Pembangunan Insan**
- **Pembangunan Pendidikan**
- **Pembangunan Sosial**

HASIL

Penciptaan Nilai Sosial
Hasil segera dan impak jangka panjang diukur bagi memahami perubahan sebenar yang dialami oleh asnaf, dan pendekatan penilaian akan terus dipertingkatkan untuk menunjukkan nilai sosial yang diwujudkan.

Kepercayaan Yang Diperkukuh
Keyakinan pihak berkepentingan terhadap integriti dan ketelusan organisasi semakin meningkat.

Ekosistem Zakat Yang Berkesan
Kecekapan dalam kutipan dan agihan yang adil terus dipertingkatkan.

Peningkatan Sosial dan Ekonomi
Kemiskinan dapat dikurangkan, kualiti hidup ditambah baik dan kebergantungan asnaf kepada bantuan dapat dikurangkan.

Pengukuhan Penglibatan Komuniti
Meningkatkan kesedaran dan penglibatan secara aktif dalam inisiatif zakat.

NILAI

Asnaf Yang Lebih Maju dan Berdikari
Asnaf berjaya dibantu keluar daripada status fakir dan miskin.

Institusi Zakat Yang Dipercayai
Kepercayaan terhadap institusi zakat semakin meningkat, sekali gus menggalakkan umat Islam menunaikan kewajipan berzakat.

Ekosistem Zakat Yang Mampan
Komuniti yang berdaya tahan melibatkan asnaf dan muzakki yang saling menyokong secara berterusan.

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN: Pihak berkepentingan dirujuk secara aktif untuk memahami hasil yang paling penting kepada mereka. Maklum balas mereka membantu membentuk reka bentuk program, pelaksanaan dan penilaian selaras dengan salah satu Prinsip Nilai Sosial.

Creating Shared Value (CSV)

Creating Shared Value (CSV) merupakan pendekatan strategik Zakat Selangor yang menggabungkan matlamat organisasi dengan peluang operasi bagi mencipta nilai bersama yang memberikan manfaat kepada masyarakat dan juga organisasi.



Visi

Menjadi peneraju institusi zakat yang menitikberatkan isu sosial dalam strategi korporat

Misi

Memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan dengan penuh tanggungjawab, berteraskan nilai Zakat Selangor

Objektif

Memastikan bahawa program CSV berpotensi untuk menyantuni kumpulan sasar, sama ada dalam jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang

Nilai Teras

- **Kerjasama**
- **Amanah**
- **Empati**
- **Komitmen**



CSV dilaksanakan secara sistematik melalui tiga fasa:

Penilaian	Pelaksanaan	Pentaksiran & Pemantauan
Mengenal pasti projek dan merancang sumber	Melaksanakan projek berdasarkan strategi yang telah ditetapkan	Menilai impak projek dari sudut sosial, alam sekitar dan ekonomi

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Kami menghargai setiap pandangan daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selaku Ketua Agama Islam Negeri Selangor, sehinggalah kepada keluarga asnaf yang kami santuni serta warga kerja yang komited menjayakan misi organisasi. Berpandukan tiga prinsip teras iaitu Keterangkuman, Kepentingan (Materialiti) dan Responsif, kami telah menerapkan libat urus berstruktur merangkumi kesemua sembilan kumpulan pihak berkepentingan. Pendekatan ini memastikan pandangan, jangkaan dan maklum balas pihak berkepentingan diterjemahkan secara bermakna dalam keutamaan strategik dan 11 perkara material organisasi.

Dengan mengambil kira peranan, kepentingan dan jangkaan yang berbeza bagi setiap kumpulan pihak berkepentingan, termasuk asnaf, muzakki, pengawal selia, warga kerja dan rakan strategik, kami menekankan pendekatan libat urus yang proaktif, telus dan dua hala. Pendekatan ini bertujuan menangani sebarang isu, memperkukuh kerjasama serta mengekalkan kepercayaan dalam pelaksanaan amanah kami sebagai institusi zakat negeri.





Pelan Libat Urus Pihak Berkepentingan

Zakat Selangor mengamalkan pendekatan libat urus pihak berkepentingan yang terancang. Setiap sesi didahului dengan pelan jelas yang menggariskan pihak terlibat, objektif, tempoh dan tanggungjawab bagi memastikan penyelarasan dengan keutamaan organisasi. Pelan ini dikemas kini secara berkala mengikut perubahan persekitaran operasi dan isu kelestarian semasa. Pendekatan ini memastikan libat urus kekal relevan dan berkesan dalam menyokong pembuatan keputusan serta memenuhi amanah sebagai institusi zakat negeri.

	DYMM SULTAN SELANGOR	MAIS & ANAK SYARIKAT	ASNAF
Mengapa Mereka Penting	Sebagai Ketua Agama Islam di Selangor menurut Perlembagaan, DYMM Sultan Selangor merupakan pihak berkuasa tertinggi bagi semua hal ehwal Islam, termasuk pengurusan zakat. Mandat dan keyakinan baginda merupakan sumber utama legitimasi dan amanah Zakat Selangor.	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ialah badan induk Zakat Selangor yang bertanggungjawab terhadap hala tuju dasar, tadbir urus Syariah dan pemantauan semua institusi Islam di Selangor. Anak syarikat MAIS juga merupakan rakan strategik penting dalam melaksanakan agenda pembangunan Islam yang lebih menyeluruh.	Komuniti asnaf, yang merangkumi lapan kategori penerima zakat yang layak, merupakan penerima manfaat utama bagi setiap Ringgit yang dikutip. Kesejahteraan, kelayakan dan pemerkasaan mereka merupakan ukuran sebenar prestasi kami.
Saluran Komunikasi	• Taklimat I/R • Acara Korporat WR	• Mesyuarat WR • Pelaporan Hala Tuju Kelestarian Ehwal Islam Selangor (HATIS) 2025-2030 Q • Pelaporan Prestasi dan KPI Q • Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Q • Taklimat WR • Acara Korporat WR	• Skuad Jejak Kemiskinan TY • Banci Y • Agihan Bantuan TY • Acara / Program Korporat Y • Zakat Selangor Sana Sini / ZASSS D • Laman Sesawang TY • Aplikasi Zakat TY • Talian Bantuan Zakat Bebas Tol TY
Bidang Tumpuan	• Agihan zakat • Kutipan zakat • Kebajikan asnaf	• Prestasi dan aktiviti zakat	• Kelayakan asnaf • Jenis bantuan yang diberikan • Status permohonan • Maklumat zakat dan nisab
Respon Kami	Menghadiri sesi taklimat diraja mengikut keperluan untuk membentangkan prestasi zakat, pencapaian kutipan, impak agihan dan hala tuju strategik. Semua pencapaian utama dilaporkan kepada institusi diraja.	Menghadiri mesyuarat MAIS mengikut keperluan untuk membentangkan KPI suku tahunan, data prestasi tahunan, hasil agihan dan laporan pematuhan. Memberikan pendedahan penuh berhubung akaun kutipan dan agihan zakat.	• Melaksanakan penglibatan berterusan melalui Skuad Jejak Kemiskinan dan tinjauan berkala bagi mengesahkan kelayakan • Menjalankan banci tahunan untuk menentukan jenis bantuan yang diperlukan • Memberikan kemas kini status permohonan setiap bulan • Menganjurkan program tahunan berkaitan maklumat zakat dan nisab • Melaksanakan agihan harian melalui ZASSS • Menyediakan saluran digital 24/7 (laman sesawang, aplikasi dan talian bantuan)

Kekerapan penglibatan: D Harian Q Suku Tahunan H Setengah Tahunan TY Sepanjang Tahun I/R Jemputan/Permintaan M Bulanan T 2 Kali Setahun Y Tahunan WR Bila Perlu

	MUZAKKI (KORPORAT & INDIVIDU)	WARGA KERJA	RAKAN PERNIAGAAN
Mengapa Mereka Penting	Muzakki, sama ada individu mahupun korporat, merupakan sumber kepada semua dana zakat. Kepercayaan mereka terhadap pengurusan Zakat Selangor serta konsistensi dalam pembayaran secara langsung mempengaruhi prestasi kutipan dan kemampanan kewangan kami. Memelihara kepercayaan ini memerlukan ketelusan dan akauntabiliti yang berterusan.	Lebih 600 orang warga kerja sepenuh masa Zakat Selangor merupakan tulang belakang operasi misi kami. Kecekapan, penglibatan, integriti dan keprihatinan terhadap kebajikan mereka menentukan kualiti perkhidmatan yang kami sampaikan kepada asnaf dan muzakki. Kami komited untuk membina tenaga kerja berprestasi tinggi yang berteraskan nilai.	Sektor swasta, agensi kerajaan dan NGO membantu meluaskan jangkauan serta memperbesar impak kami. Kerjasama strategik membolehkan kami melaksanakan program melangkaui keupayaan kami sendiri, khususnya dalam pemerkasaan asnaf, pembangunan keusahawanan dan inisiatif kebajikan komuniti.
Saluran Komunikasi	• Media Sosial TY • e -mail / SMS WR • Acara Korporat WR • Zakat Selangor Sana Sini / ZASSS D • Laman Sesawang D • Aplikasi Zakat TY • Borang Maklum Balas Pelanggan TY	• Amara.ai TY • *Townhall* H • Acara Korporat WR • Program Pembangunan Kapasiti WR • Penilaian Prestasi T • Tinjauan Keterlibatan Warga Kerja Y • Tinjauan Kepuasan Dalaman Y • *Retreat* Warga Kerja Y	• Mesyuarat / Lawatan Korporat WR • Program Usaha Sama WR
Bidang Tumpuan	• Status pembayaran • Ketelusan • Aktiviti agihan • Saluran pembayaran baharu • Maklumat berkaitan zakat	• Pembangunan Kerjaya & Pengurusan Bakat • Kemas Kini Prestasi Organisasi • Pembinaan Ilmu & Pembangunan Bakat • Kebajikan Warga Kerja	• Kerjasama Strategik • Program Kerjasama • Perkongsian Ilmu
Respon Kami	• Kemas kini berkala di media sosial mengenai status pembayaran • Komunikasi e-mel / SMS yang tepat pada masanya bagi memastikan ketelusan • Kemas kini harian melalui ZASSS dan laman sesawang mengenai pilihan pembayaran • Acara korporat berkaitan aktiviti agihan • Borang Maklum Balas Pelanggan untuk penambahbaikan berterusan	• Keterlibatan berterusan melalui platform Amara.ai • Sesi perjumpaan *(townhall)* dua kali setahun mengenai prestasi organisasi • Acara untuk pembangunan pengetahuan dan bakat • Program kesejahteraan warga kerja mengikut keperluan • Penilaian prestasi dua kali setahun • Tinjauan keterlibatan dan kepuasan tahunan • *Retreat* warga kerja tahunan untuk pembinaan pasukan	• Mengatur mesyuarat / lawatan mengikut keperluan untuk perancangan strategik • Program usaha sama untuk peluang kerjasama • Pertukaran pengetahuan melalui kerjasama rentas sektor

Kekerapan penglibatan: D Harian Q Suku Tahunan H Setengah Tahunan TY Sepanjang Tahun I/R Jemputan/Permintaan M Bulanan T 2 Kali Setahun Y Tahunan WR Bila Perlu

	MEDIA	PEMBEKAL / VENDOR	EJEN
Mengapa Mereka Penting	Saluran media, daripada televisyen nasional dan media cetak hingga media sosial, membentuk persepsi orang ramai terhadap Zakat Selangor, mempengaruhi tingkah laku pembayaran pihak berkepentingan dan memperluas penyampaian impak sosial organisasi. Penglibatan media yang proaktif membantu memastikan penyampaian mengenai usaha Zakat Selangor adalah tepat, positif dan tepat pada masanya.	Pembekal dan vendor menyokong infrastruktur operasi harian Zakat Selangor, daripada sistem IT hingga kemudahan, barangan dan perkhidmatan profesional. Amalan perolehan yang mampan, adil dan telus membantu memelihara integriti Zakat Selangor serta mengurangkan risiko kemampanan rantaian bekalan.	Ejen, termasuk lebih 2,000 Penolong Amil dan ejen kutipan berdaftar, merupakan wakil barisan hadapan Zakat Selangor di seluruh komuniti di Selangor. Mereka memainkan peranan penting dalam mendekati muzakki dan asnaf, khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan, sekali gus menjadikan mereka penting dalam mencapai sasaran pertumbuhan kutipan.
Saluran Komunikasi	• Media Sosial TY • Siaran Media WR • Acara Korporat WR • Iklan WR • Sidang Media / Temu Bual Media WR • Aplikasi Zakat Selangor WR • Borang Maklum Balas Pelanggan WR	• Penilaian Vendor Y • Penilaian Prestasi Vendor H • Taklimat Vendor WR • Sistem e-Vendor TY	• Latihan WR • Mesyuarat / Lawatan Berkala TY • Portal Agensi Korporat TY
Bidang Tumpuan	• Prestasi syarikat • Impak syarikat • Strategi perniagaan • Isu tular	• Perolehan mampan • Perolehan adil • Ketelusan	• Komisen ejen • Status pembayaran • Kempen pemasaran baharu • Maklumat produk
Respon Kami	• Kemas kini berterusan di media sosial mengenai aktiviti Zakat Selangor • Siaran media untuk mengetengahkan impak • Penyertaan dalam acara korporat bagi mendapatkan pandangan berkaitan strategi perniagaan • Sidang media dan temu bual media bagi memperluas penglibatan awam	• Penilaian tahunan vendor bagi menyokong perolehan mampan • Penilaian prestasi dua kali setahun • Taklimat mengikut keperluan bagi memastikan ketelusan perolehan • Sistem e-Vendor untuk proses perolehan yang lebih teratur dan boleh dijejaki	• Sesi latihan mengikut keperluan berkaitan struktur komisen dan maklumat produk terkini • Mesyuarat / lawatan berkala sepanjang tahun berkaitan status pembayaran • Menyediakan maklumat berkenaan produk terkini kepada ejen

Kekerapan penglibatan: D Harian Q Suku Tahunan H Setengah Tahunan TY Sepanjang Tahun I/R Jemputan/Permintaan M Bulanan T 2 Kali Setahun Y Tahunan WR Bila Perlu

Penyelarasan Libat Urus Pihak Berkepentingan & Materialiti

Pemetaan Pihak Berkepentingan terhadap Perkara Material memberikan gambaran keseluruhan tentang bagaimana 11 perkara material dilihat merentasi sembilan kumpulan pihak berkepentingan utama Zakat Selangor. Topik berkaitan Sosial dan Tadbir Urus secara konsisten dianggap sangat relevan oleh kebanyakan kumpulan pihak berkepentingan, sekali gus mencerminkan mandat teras kami.

Pemetaan ini menyokong pendekatan pelaporan kelestarian yang dipacu oleh pihak berkepentingan dan berfokuskan kepada materialiti. Ia membolehkan kami mengutamakan perkongsian maklumat secara berkesan, memberikan respons yang bermakna terhadap jangkaan pihak berkepentingan serta memperkukuh komitmen kami terhadap ketelusan, kepercayaan dan pengurusan zakat yang bertanggungjawab.

Pihak Berkepentingan	Kecekapan Tenaga	Perubahan Iklim	Pemeliharaan Alam Sekitar	Kebajikan dan Pembangunan Komuniti	Pembangunan Bakat	Pengurusan Pekerja	Pengurusan Rantaian Bekalan	Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko	Pematuhan Syariah	Pendigitalan Perniagaan	Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab
DYMM Sultan Selangor	Sebagai Ketua Agama Islam Negeri Selangor, DYMM Sultan Selangor mempunyai kuasa untuk dimaklumkan dan memantau semua perkara material.										
MAIS dan Anak Syarikat	◒	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
Asnaf	○	◒	○	●	○	○	◒	◒	●	●	●
Muzakki	◒	◒	◒	●	○	○	◒	●	●	●	●
Kakitangan	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●	●
Rakan Perniagaan	○	◒	◒	●	◒	○	●	●	●	●	●
Media	○	◒	○	●	○	○	●	●	●	●	●
Pembekal / Vendor	●	●	●	●	○	○	●	●	●	●	●
Ejen	○	○	○	●	○	○	○	●	●	●	●

Petunjuk ● Tinggi ◒ Sederhana ○ Rendah

Pendekatan Social Value International (SVI)

Zakat Selangor terus memperkukuh amalan penilaian impak kami dengan merujuk kepada prinsip-prinsip yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diketengahkan oleh Social Value International (SVI). Penekanan diberikan kepada impak yang berpaksikan pihak berkepentingan, penilaian perubahan berasaskan bukti serta penambahbaikan berterusan dalam mengukur nilai sosial yang terhasil melalui program-program kami. Walaupun metodologi Pulangan Sosial atas Pelaburan (SROI) secara rasmi belum dilaksanakan sepenuhnya, kami komited untuk meningkatkan pendekatan pengukuran dan penilaian nilai sosial kami secara progresif dari semasa ke semasa. Beberapa prinsip yang disyorkan oleh SVI telah pun dicerminkan dalam amalan semasa kami, seperti berikut:

Prinsip-prinsip SVI	Penerapan Semasa
1. Penglibatan Pihak Berkepentingan	• Kami melibatkan pihak berkepentingan secara aktif, termasuk asnaf, muzakki, media, pembekal, ejen dan rakan perniagaan.
2. Fahami Perubahan Yang Berlaku	• Kami menekankan usaha untuk membasmi kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup, memberi sokongan pendidikan dan memperbaiki kehidupan penerima melalui program pembangunan kami. • Kami berusaha untuk terus selaras dengan prinsip SVI dengan mengukuhkan pengukuran hasil melalui petunjuk dan garis dasar yang lebih tersusun, serta penanda aras sebelum dan selepas.
3. Menilai Perkara Yang Penting	• Nilai kewangan seperti jumlah zakat yang telah diagihkan, digunapakai buat masa ini, bagi memberikan gambaran tahap impak yang telah dijana kepada asnaf menerusi lima program pembangunan kami. • Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan, kami akan memperkukuh keselarasan dengan prinsip SVI dengan mengambil kira nilai proksi, penjimatan kos dan potensi peningkatan pendapatan asnaf dalam mengukur nilai sosial yang lebih menyeluruh.
4. Hanya Ambil Kira Perkara Yang Material	• Kami telah menjalankan penilaian materialiti dengan mengenal pasti kumpulan pihak berkepentingan yang berkaitan serta memahami keperluan dan jangkaan mereka. Seterusnya, kami menilai impak utama untuk menentukan perkara yang paling penting. Hasilnya, sebanyak 11 perkara material telah dikenal pasti. Proses ini membantu kami memberi tumpuan dalam pelaporan kepada hasil yang paling penting dan yang mempengaruhi keputusan pihak berkepentingan.
5. Jangan Membuat Tuntutan Yang Berlebihan	• Kami mengelakkan dakwaan terhadap sesuatu pencapaian yang berlebihan dan menggunakan bahasa yang berasaskan fakta serta realistik dalam menerangkan pendekatan kami.
6. Bersikap Telus	• Kami mengamalkan ketulusan dan mendedahkan tadbir urus, proses, program dan hasil pelaksanaan kami kepada orang awam, selaras dengan piawaian amalan terbaik.
7. Sahkan Hasil Yang Dicapai	• Kami melaksanakan jaminan bebas ke atas proses kutipan dan agihan kami, serta pengurusan data penerima asnaf.
8. Bertindak Balas Dengan Baik	• Kami mempunyai pelan hala tuju yang tersusun, pendekatan penambahbaikan secara berterusan dan perancangan masa hadapan yang membolehkan keputusan dibuat berdasarkan data.


D Tadbir Urus & Akauntabiliti



Struktur Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merupakan teras kepada cara kami beroperasi di Zakat Selangor, bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan sentiasa terpelihara. Kami menjulang prinsip integriti dan etika yang teguh, yang membentuk asas kepercayaan yang telah kami bina bersama pihak berkepentingan. Kami mengekalkan pengawasan yang jelas terhadap tadbir urus dan risiko, disokong oleh langkah-langkah mitigasi yang berkesan di seluruh operasi kami.

Kami juga menyepadukan elemen kemampanan ke dalam kerangka tadbir urus kami bagi memastikan dana zakat diuruskan secara bertanggungjawab dan beretika. Melalui pendekatan ini, kami kekal komited terhadap piawaian moral yang tinggi di samping menjamin ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap perkara yang kami laksanakan.



Peranan & Tanggungjawab

Di peringkat Lembaga, mandat yang ditakrifkan dengan jelas memastikan proses membuat keputusan dan pengawasan dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti. Setiap jawatankuasa Lembaga beroperasi dalam skop yang ditetapkan secara terperinci, bagi menyokong ketelusan dan penjajaran strategik. Kejelasan ini memperkukuh penyelarasan, meminimumkan pertindihan tugas serta memastikan pengawasan dijalankan selaras dengan dasar yang ditetapkan dan keperluan kawal selia.

Jawatankuasa Operasi Agihan
Menyelia pengagihan dana zakat kepada penerima yang layak bagi memastikan penyaluran dilaksanakan secara adil, cekap dan tepat pada masanya.

Jawatankuasa Lembaga Risiko, Integriti dan Kepatuhan
Menyelia, mengenal pasti dan mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi zakat, serta memastikan pematuhan terhadap amalan zakat, peraturan dan keperluan perundangan.

Jawatankuasa Pemandu Sumber Manusia
Membimbing strategi sumber manusia dan pembangunan bakat, serta memastikan penempatan tenaga kerja yang optimum dalam operasi zakat.

Jawatankuasa Operasi Kutipan
Mengurus dan memantau aktiviti kutipan zakat bagi memastikan proses yang cekap, berkesan dan telus.

Jawatankuasa Teknologi Maklumat
Menyelia inisiatif berkaitan teknologi maklumat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan zakat melalui sistem digital dan kemajuan rangkaian.

Jawatankuasa Rayuan Tatatertib
Meneliti dan memutuskan rayuan tatatertib bagi memastikan keadilan serta pematuhan kepada dasar tadbir urus zakat.

Jawatankuasa Pencalonan, Imbuhan & Tatatertib
Memberi nasihat mengenai komposisi jawatankuasa serta menyelia pencalonan pekerja, pakej imbuhan dan hal-hal tatatertib di Zakat Selangor.

Jawatankuasa Penasihat Syariah
Memberikan panduan mengenai perkara berkaitan Syariah dalam operasi zakat bagi memastikan prinsip-prinsip Syariah diterapkan dalam kutipan, agihan dan amalan umum.

Jawatankuasa Dermasiswa Zakat Pasca Ijazah Sultan Idris Shah
Mengurus penyaluran biasiswa zakat, termasuk semakan dan kelulusan kelayakan pelajar.

Jawatankuasa Kewangan & Tender
Menyelia hal-hal kewangan dan proses perolehan bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan penggunaan dana zakat yang cekap.

Jawatankuasa Environmental, Social & Governance
Memberi tumpuan kepada kemampanan, tanggungjawab sosial dan tadbir urus bagi menyelaraskan inisiatif zakat dengan objektif etika dan alam sekitar yang lebih menyeluruh.

Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan Ibu Pejabat Zakat Selangor
Memantau dan menyelia projek khas Zakat Selangor bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan serta selaras dengan objektif zakat.

Jawatankuasa Audit
Memastikan integriti dalam pelaporan kewangan serta menyelia audit dalaman dan luaran bagi memastikan pengurusan, kutipan dan agihan dana zakat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Jawatankuasa Pemantauan Projek Agro Ekonomi Zakat Selangor di Bukit Beruntung
Menyelia projek agro-ekonomi di Bukit Beruntung, Selangor bagi memastikan pelaksanaan yang berimpak dan lestari.

Piagam Lembaga

Lembaga dipandu oleh Piagam Lembaga rasmi yang mentakrifkan peranan, tanggungjawab dan kuasanya, bagi menyokong tadbir urus korporat yang teguh melalui ketelusan, akauntabiliti dan integriti. Piagam ini menggariskan perkara-perkara utama yang dikhususkan untuk Lembaga dan jawatankuasa di bawahnya, sekali gus menjamin pengawasan yang berkesan dan proses membuat keputusan yang tepat. Piagam ini disemak sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun bagi memastikan ia kekal selaras dengan hala tuju strategik kami, prinsip-prinsip syariah serta undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Piagam Lembaga boleh didapati di: www.zakatselangor.com.my/piagam-lembaga/

Profil Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Lembaga Pemegang Amanah



Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) dari Universiti Macquarie, Sydney, Australia. Beliau merupakan seorang Akauntan Bertauliah bersama Institut Akauntan Malaysia (MIA), Certified Practising Accountant (CPA), Australia dan Courts of Emeritus Fellow of the Management (MIM).

Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Kenanga Investment Bank Berhad, Pengerusi SP Setia Berhad dan Canselor Universiti SEGi. Pengalaman kerjaya luas beliau sebelum ini termasuklah Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad, Pengerusi Malakoff Corporation Berhad, Pengerusi Bukan Eksekutif Cahya Mata Sarawak Berhad, Pengerusi Media Prima Berhad, Pengerusi MRCB Berhad, Pengerusi DRB-Hicom Berhad, Pengerusi EON Bank Berhad, Pengerusi Uni Asia Life Assurance Berhad, Pengerusi Uni Asia General Insurance Berhad, Pengerusi Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji, Pengarah Bebas Maxis Communications Berhad, Pengarah Bebas Bangkok Bank Berhad, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Pengerusi Nestlé (Malaysia) Berhad, Pengerusi Radicare (M) Sdn. Bhd. dan Akauntan Kewangan di Malaysian Airlines System Berhad.

Y.A.M. Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail
Pengerusi | Pengerusi Bebas | Ahli Jawatankuasa ESG



Y.A.D. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya (UM) dan Sarjana dalam Perniagaan Antarabangsa dari Universiti South Carolina, Amerika Syarikat.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad, Pengerusi Gamuda Berhad, Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra, Pengerusi Jawatankuasa ESG Zakat Selangor dan Ahli Dewan Diraja Selangor. Pengalaman kerjaya beliau yang luas sebelum ini termasuk memegang jawatan sebagai Pengerusi BIMB Holdings Berhad; Ketua Audit Negara Malaysia; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia; Pengurus Besar Kanan KL International Airport Berhad; Menteri (Ekonomi) di Kedutaan Malaysia di Tokyo, Jepun; Timbalan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN); Timbalan Pengarah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia; Timbalan Pengarah Bahagian Industri Kecil, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Timbalan Pengarah Bahagian Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Setiausaha Sulit di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; Setiausaha Kerajaan Negeri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; serta Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Khas Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan.

Y.A.D. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang
Timbalan Pengerusi | Pengarah Bukan Bebas | Pengerusi Jawatankuasa ESG

Lembaga Pemegang Amanah



S.S. Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah Islamiah (Kepujian) dari Universiti Al-Azhar, Mesir, Sarjana Falsafah Islam dari Universiti Kaherah, Mesir dan Doktor Falsafah dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh (*Mumtaz*) dari World Islamic Sciences and Education University (WISE), Jordan.

Beliau kini berkhidmat sebagai Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Ahli Majlis MAIS. Latar belakang beliau yang luas merangkumi pengalaman berpuluh tahun dalam bidang keilmuan dan amalan pendidikan Islam serta pengajian syariah. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah memberikan sumbangan signifikan terhadap kemajuan ilmu fiqh, dasar agama dan tadbir urus berasaskan kepercayaan di Malaysia.

S.S. Dato' Setia Dr. Haji Anhar bin Haji Opir

Ahli Bukan Bebas



Y.M. Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad AlHaj bin Raja Tun Uda AlHaj merupakan Fellow Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW), Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Beliau kini merupakan Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Pengerusi Bumi Armada Berhad dan Pelaburan Hartanah Berhad. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor, Yayasan Amir, Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda, Yayasan TZA, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan DayaDiri serta Canselor Universiti Selangor. Pengalaman luas beliau sebelum ini termasuklah berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia, Pengerusi Ekuiti Nasional Berhad, Danamodal Nasional Berhad, Pengerusi dan Pengarah Maxis Berhad serta Pengarah Khazanah Nasional Berhad. Pelantikan antarabangsa Raja Tan Sri Arshad sebelum ini termasuklah sebagai Pengerusi Pasukan Kepimpinan PwC Asia 7, Ahli Lembaga IFRS Global PwC dan Ahli Majlis Penasihat Piawaian bagi Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa.

Y.M. Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad AlHaj bin Raja Tun Uda AlHaj

Ahli Bebas | Ahli Jawatankuasa ESG

Lembaga Pemegang Amanah



YBhg. Dato' Haji Mohamed Ross bin Mohd Din berkelulusan Diploma Perbankan daripada Institute of Bankers, London. Sebagai seorang veteran berpengalaman dalam industri perbankan, kerjaya luas beliau merangkumi tempoh perkhidmatan yang lama bersama HSBC Bank Malaysia Berhad dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Dato' Ross telah memegang pelbagai jawatan kepimpinan dan penasihat yang signifikan, termasuk sebagai Pengerusi dan Pengarah Prima Ekuiti (UK) Limited serta Ahli Panel Bebas Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Terbaru, beliau telah menamatkan perkhidmatan bersama Opus pada Mac 2026. Pengalaman beliau di peringkat lembaga pengarah turut merangkumi peranan sebagai Pengarah Bebas CIMB Group Holdings Berhad, Pengerusi CIMB Islamic Bank Berhad serta Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Perangsang Selangor Berhad.

YBhg. Dato' Haji Mohamed Ross bin Mohd Din
Ahli Bebas

Tarikh Persaraan: 1 Febuari 2026



YBhg. Dato' Paduka Prof. Emeritus Dr. Muhamad bin Awang berkelulusan Doktor Falsafah dalam bidang Pencemaran Udara & Tumbuhan dari Universiti Sheffield, United Kingdom, Doctorandus (Drs) dari Institut Teknologi Bandung, Sijil dalam Pengajaran dan Kaedah Kajian Teras dari Program Eksekutif Harvard, Harvard Business School serta Sijil dalam Perubahan Persekitaran: Perancangan & Pengurusan Dasar dari Universiti Oxford.

Beliau kini berkhidmat sebagai Profesor Emeritus di Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Pengarah Bebas Bukan Eksekutif HCK Capital Group Berhad, Pengerusi Lembaga Gabenor Open University Malaysia (OUM), Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti SEGI dan Pengerusi Lembaga Gabenor Peninsula International School (PISA). Pengalaman luas beliau sebelum ini termasuklah berkhidmat sebagai Naib Canselor dan Ketua Eksekutif Universiti SEGI, Pengerusi Lembaga Gabenor Asia e University, Pengarah UPSI Holdings Sdn. Bhd. serta Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Keberkesanan Lembaga Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi.

YBhg. Dato' Paduka Prof. Emeritus Dr. Muhamad bin Awang
Ahli Bebas | Ahli Jawatankuasa ESG

Lembaga Pemegang Amanah



YBhg. Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdullah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Pengajian Gabungan, Matematik & Pengajian Komputer dari Politeknik Sunderland, England, Sarjana Sains dalam Sains Komputer dari Universiti Indiana, Bloomington, Amerika Syarikat, Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan dan Sains Komputer dari Universiti Sussex, England serta Sijil Analisis Rangkaian Sosial dari Universiti Michigan, Amerika Syarikat.

Beliau kini berkhidmat sebagai Pengasas dan Presiden Araken Sdn. Bhd. Pengalaman luas beliau merangkumi peranan kanan di Accenture (Andersen Consulting), selain pernah berkhidmat sebagai Presiden TSI TelSys Corp, Maryland, Amerika Syarikat dan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

YBhg. Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdullah
Ahli Bebas



YBhg. Datin Paduka Hajah Badariah binti Abd Jalil berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan pengkhususan dalam Pembangunan Sumber Manusia, dari Universiti Hull.

Beliau kini berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan untuk Menteri Besar Selangor, Ahli Jawatankuasa Penamaan dan Remunerasi Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) serta Penasihat Strategik Sumber Manusia Petra Energy Berhad. Pengalaman luas beliau sebelum ini merangkumi peranan sebagai Pengarah Sumber Manusia Kumpulan Petra Energy Berhad, Pengarah Modal Insan New Straits Times, Pengarah Pengurusan Keselamatan di TV3, Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat dan Sumber Manusia di Media Prima Berhad, Naib Presiden Sumber Manusia Korporat di Celcom serta Konsultan Utama di PricewaterhouseCoopers.

YBhg. Datin Paduka Hajah Badariah binti Abd Jalil
Ahli Bebas

Lembaga Pemegang Amanah



YBhg. Datin Paduka Saudah binti Sulaiman berkelulusan Sarjana Undang-Undang (LL.M) dari Universiti Aberdeen, Scotland, United Kingdom, Diploma Lanjutan dalam Undang-Undang (LL.B Hons) serta Diploma dalam Undang-Undang dari Institut Teknologi MARA (ITM). Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga MAIS.

Beliau pernah memegang beberapa jawatan penting dalam bidang akademik dan perkhidmatan awam, termasuk sebagai Profesor Madya undang-undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dekan Fakulti Undang-Undang UiTM, Ahli Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia (LPQB) serta Ahli Lembaga Pengarah Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Beliau telah diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2004. Beliau merupakan seorang peguam bela yang tidak mengamal *(non-practising advocate)*.

YBhg. Datin Paduka Saudah binti Sulaiman
Ahli Bukan Bebas



YBrs. Tuan Haji Rosli bin Rasul berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Diploma Lepasan Ijazah (Peringkat Sarjana) dalam Analisis Sistem dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Sijil Pengajian Perniagaan dari Politeknik Ungku Omar. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan merupakan Pemeriksa *Fraud* Bertauliah di bawah *Association of Certified Fraud Examiners* dari tahun 1998 hingga 2016.

Beliau kini berkhidmat sebagai Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan Penamaan MAIS, Pengarah Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. serta ahli bagi Jawatankuasa Audit dan Risiko syarikat tersebut, selain menjadi Ahli Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan Koperasi Muslimin (M) Berhad. Pengalaman luas beliau sebelum ini merangkumi peranan sebagai Juruaudit di Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Pemeriksa Bank Kanan di Bank Negara Malaysia, Ketua Audit Dalaman di Credit Corporation Malaysia Berhad dan Utusan Malaysia Sdn. Bhd., Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan Ketua Pegawai Kualiti di Bank Rakyat serta Ketua Pegawai Kewangan Co-opbank Pertama (CBP) Malaysia Berhad.

YBrs. Tuan Haji Rosli bin Rasul
Ahli Bukan Bebas

Lembaga Pemegang Amanah



YBrs. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan ijazah Sarjana dalam Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau juga memiliki Sijil dalam Pengajian Setiausaha Syarikat dari Institut Bina Usahawan, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Dakwah dan Kepimpinan) dengan Kepujian dari UKM serta Diploma Pengajian Dakwah dari Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

Pengalaman luas beliau sebelum ini merangkumi jawatan sebagai Setiausaha MAIS, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Zakat Selangor, Pengarah Pembangunan Sosial di MAIS, Pengurus Besar Zakat Selangor, Penolong Pengarah Bahagian Belia di Kementerian Belia dan Sukan serta Ketua Eksekutif Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

YBrs. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar

Ahli Bukan Bebas

Tarikh Persaraan: 31 Julai 2025



YBrs. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau merupakan Perancang Kewangan Berdaftar (Syariah RFP) di bawah Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC), memegang Pentauliahan Mengajar Khas daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan merupakan ahli Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA). Beliau juga merupakan jurulatih bertauliah di bawah HRD Corp serta pemegang Sijil Eksekutif Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Beliau menyertai Zakat Selangor pada tahun 2008 dan telah memegang beberapa peranan kepimpinan utama, termasuk Ketua Divisyen Kutipan, Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf serta Ketua Pegawai Eksekutif dari 1 April 2022 hingga 31 Mac 2025. Beliau kini berkhidmat sebagai Setiausaha MAIS dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Zakat Selangor. Sebelum ini, beliau telah mempunyai lebih 13 tahun pengalaman korporat bersama organisasi seperti Menara Setia Construction Enterprise, Nusantara Worldwide Insurance (M) Berhad dan Maybank Property Trust Management Berhad.

YBrs. Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini

Ahli Bukan Bebas


Tarikh Lantikan: 1 Oktober 2025

Struktur Pengurusan

Sebuah struktur korporat yang profesional dan bermatlamat telah diwujudkan bagi menyokong usaha mencapai Visi kami serta penyampaian mandat yang diamanahkan secara berkesan. Struktur ini diperkukuh oleh lapisan tadbir urus dan pengawasan yang jelas, yang diterajui oleh Lembaga Pemegang Amanah serta jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga di bawahnya.

Berpandukan bimbingan di peringkat tadbir urus oleh Lembaga Pemegang Amanah dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, operasi zakat dilaksanakan menerusi Ketua Pegawai Eksekutif serta pasukan kepimpinan yang berdedikasi. Ini bagi memastikan semua fungsi teras dilaksanakan dengan akauntabiliti yang teguh dan ketepatan yang tinggi.

Rajah berikut menggambarkan struktur korporat kami, yang dirangka untuk memastikan kecekapan operasi dan kepercayaan institusi.



Profil Kepimpinan Kanan

Kepimpinan Kanan



Encik Mohd Khaidzir bin Shahari memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan merupakan Akauntan Bertauliah dengan Malaysian Institute of Accountants (MIA), ahli Chartered Global Management Accountant (CGMA), Associate Chartered Management Accountant (ACMA) dan Certified Internal Auditor (IIA Inc.). Beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden Institute of Internal Auditors Malaysia (2024-2025) dan sebagai Ahli Lembaga Gabenor sejak tahun 2019. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Islamic Finance Committee of Malaysian Institute of Accountants sejak tahun 2022.

Sebelum menyertai Zakat Selangor pada April 2025, beliau bertugas sebagai Partner di KPMG Malaysia sejak tahun 2007. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1995 di sebuah institusi kewangan sebelum menyertai KPMG sebagai Perunding Kanan pada tahun 1999. Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam bidang tadbir urus korporat, pengurusan risiko, kawalan, audit dan siasatan melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), syarikat tersenarai awam dan organisasi antarabangsa, termasuk Program Pembangunan PBB (UNDP) dan Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) dalam operasi merentasi Asia Tenggara, Timur Tengah dan Eropah Timur. Beliau terlibat dalam pelbagai pasukan petugas khas, menyumbang kepada inisiatif dan perumusan strategi berkaitan pengurusan risiko, audit dalaman dan audit syariah di peringkat nasional.

Encik Mohd Khaidzir bin Shahari
Ketua Pegawai Eksekutif



Puan Hajah Ariffa binti Ariffin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan & Kewangan dari Universiti Liverpool John Moores, UK. Beliau merupakan Fellow Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (FCMA), Akauntan Pengurusan Global Bertauliah (CGMA), Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta pemegang Diploma Tadbir Urus Korporat dan Pematuhan dari Institut Tadbir Urus Basel.

Beliau menyertai Zakat Selangor pada 1 Mac 2018 sebagai Ketua Pegawai Operasi Korporat dan Projek Khas. Beliau mempunyai lebih 27 tahun pengalaman dalam pelbagai organisasi korporat dengan kepakaran mendalam dalam perancangan strategik serta analisis perniagaan. Beliau pernah menyandang jawatan kepimpinan utama termasuk Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) di Kumpulan Media Karangkraf, Pengarah Bersekutu di Innovation Associates Consulting Group Sdn. Bhd. (iA) dan Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat di Malaysia Building Society Berhad. Beliau juga pernah berkhidmat dalam peranan strategik dan perundingan di Ernst & Young Management Consultancy, Tabung Haji Technologies Sdn. Bhd. serta Arab Malaysian Bank Berhad.

Puan Hajah Ariffa binti Ariffin
Ketua Pegawai Korporat & Projek Khas

Kepimpinan Kanan



Encik Ahmad Fadhil bin Hassan mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam sektor korporat dan perkhidmatan kewangan Islam, merangkumi strategi korporat, jualan dan pemasaran, pengurusan pelaburan / portfolio, pembangunan produk dan perniagaan serta pengurusan risiko, perundangan dan pematuhan. Beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi Zakat Selangor sejak 15 Jun 2023.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Wales, Cardiff, Ijazah Sarjana Kewangan daripada Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT), Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Sijil eCEO daripada Imperial College London serta Sijil Perbankan Islam dan Pasaran Modal Islam daripada IBFIM. Pengalaman luas beliau termasuk memegang jawatan sebagai Ketua Jualan dan Pemasaran di Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (Kopetro), Ketua Jualan (Strategi Korporat & Pembangunan Perniagaan) di Gibraltar BSN Life Berhad, Ketua Pengurusan Kekayaan di Al Rajhi Bank, Ketua Produk di OCBC Al-Amin, Naib Presiden Pelaburan di HSBC Bank Malaysia dan HSBC Amanah Malaysia, Pengurus Kanan Pembangunan Produk & Perniagaan di AmInvestment Services Berhad serta Pegawai Pematuhan Kanan di Prudential Fund Management Berhad dan SBB Mutual Berhad.

Encik Ahmad Fadhil bin Hassan
Ketua Pegawai Operasi



Puan Rapizah binti Muhammad Sharif berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Gunaan dan Pelaburan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan Akauntan Bertauliah (CA) dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Akauntan Pengurusan Global Bertauliah (CGMA).

Beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan & Teknologi Maklumat Zakat Selangor sejak 10 Mei 2017. Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman profesional dalam bidang pengauditan, pemasaran dan perakaunan. Pengalaman luas beliau sebelum ini termasuklah sebagai Juruaudit Operasi di Maybank Berhad serta memegang pelbagai jawatan kanan di Nestlé Products Sdn. Bhd. seperti Ketua Juruaudit Dalaman, Pengawal Kewangan (Malaysia & Singapura), Pengurusan Pemasaran & Jenama (MAGGI) serta Pengurus Pengurusan Perubahan & Kecemerlangan Berterusan dalam Bahagian Kewangan di Nestlé Products Sdn. Bhd.

Puan Rapizah binti Muhammad Sharif
Ketua Pegawai Kewangan & Teknologi Maklumat

Kepimpinan Kanan



Puan Shuaibah binti Awaldeen berkhidmat sebagai Financial Controller Zakat Selangor sejak 1 November 2021. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau mempunyai pengalaman lebih 5 tahun dalam pengauditan luaran serta lebih 20 tahun pengalaman kepimpinan dalam bidang kewangan, perakaunan, pentadbiran, perancangan korporat dan teknologi maklumat. Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pelbagai peranan di Tee & Partners, Metro Parking (M) Sdn. Bhd., IWRAW Asia Pacific, Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC).

Puan Shuaibah binti Awaldeen
Financial Controller



Puan Siti Aishah binti Abu Bakar menyertai Zakat Selangor pada November 2024 sebagai Ketua Divisyen Komunikasi Korporat. Beliau bertanggungjawab menerajui kepimpinan strategik dalam memperkukuh landskap penjenamaan, pemasaran dan komunikasi organisasi. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pemasaran Antarabangsa dari Chartered Institute of Marketing (UK) dan telah diiktiraf sebagai Pelajar Terbaik pada tahun 1992.

Dengan pengalaman merentas industri selama lebih tiga dekad, beliau membawa kepakaran luas dalam strategi dan pelaksanaan disiplin pemasaran, jualan serta pembangunan perniagaan. Kepimpinan beliau disokong oleh keupayaan tinggi dalam pengurusan saluran, pengalaman pelanggan, perancangan strategik serta pembangunan produk. Beliau amat berpengalaman memacu komunikasi pemasaran bersepadu (ATL & BTL), pengaktifan runcit, perhubungan awam serta penglibatan digital. Kepimpinan beliau terus memperkukuh jenama Zakat Selangor, memperdalam kepercayaan pihak berkepentingan serta meningkatkan keberkesanan komunikasi organisasi secara menyeluruh.

Puan Siti Aishah binti Abu Bakar
Ketua Divisyen Komunikasi Korporat

Kepimpinan Kanan



Encik Kamarulzaman bin Omar berkhidmat sebagai Ketua Divisyen Strategi Korporat di Zakat Selangor sejak September 2019. Beliau membawa lebih 20 tahun pengalaman profesional merangkumi sektor perbankan, peruncitan, pos, kurier dan logistik.

Beliau merupakan ahli Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) dan berkelulusan Sarjana Eksekutif dalam Pengurusan dari Universiti Asia Metropolitan serta Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan (Kepujian) dari Universiti Middlesex, London. Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau pernah memegang pelbagai jawatan di Pos Malaysia Berhad, Kumpulan Harrods, London serta dalam sektor perbankan.

Encik Kamarulzaman bin Omar
Ketua Divisyen Strategi Korporat



Encik Salehuddin bin Abu Samah dilantik sebagai Ketua Divisyen Syariah dan Dakwah pada 1 Disember 2022. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Islam Madinah selain memiliki kelayakan perguruan lepasan ijazah dan pentauliahan Penasihat Syariah Bertauliah.

Beliau mempunyai kira-kira 21 tahun pengalaman kerja, termasuk pendedahan luas dalam pengurusan syariah, khidmat nasihat, penyelidikan dan pematuhan dalam institusi kewangan Islam. Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau pernah menyandang peranan kepimpinan berkaitan syariah di RHB Islamic Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad.

Encik Salehuddin bin Abu Samah
Ketua Divisyen Syariah dan Dakwah

Tarikh Peletakan Jawatan: 13 Oktober 2025

Kepimpinan Kanan



Puan Norlina binti Sulaiman dilantik sebagai Ketua Divisyen Sumber Manusia Zakat Selangor pada Mei 2025, dengan membawa lebih 28 tahun pengalaman merentas pelbagai sektor seperti Kumpulan UMW, Pantai Parkway, MAFC, ntv7 dan PA Consulting. Beliau berkelulusan MBA dari Asia eUniversity, Ijazah dalam Kewartawanan dari Universiti Cardiff serta pelbagai pensijilan profesional dalam bidang Sumber Manusia.

Mempunyai latar belakang yang teguh dalam memacu budaya organisasi berprestasi tinggi dan penglibatan warga kerja, Puan Norlina telah menerima pelbagai pengiktirafan termasuk HR Asia Awards dan Anugerah Industri Selangor. Selain kepimpinan korporat, beliau juga merupakan seorang penulis dan dermawan yang aktif menyokong inisiatif pendidikan bagi golongan kurang bernasib baik.

Puan Norlina binti Sulaiman
Ketua Divisyen Sumber Manusia



Encik Muhd Fikri Naim bin Harun dilantik sebagai Ketua Divisyen Kutipan pada 1 November 2021. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau mempunyai lebih 13 tahun pengalaman dalam bidang jualan, pemasaran dan pembangunan perniagaan dengan pendedahan merentas sektor animasi, teknologi maklumat serta pengurusan zakat.

Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau pernah menyandang jawatan kepimpinan di LC Merchandising (berkait rapat dengan Les' Copaque Production) dan di MobileOne Technology dengan tumpuan utama dalam bidang pembangunan perniagaan.

Encik Muhd Fikri Naim bin Harun
Ketua Divisyen Kutipan

Kepimpinan Kanan



Encik Md Yusmizan bin Yusuf telah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf sejak 1 Jun 2022 hingga 31 Disember 2025. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf berkuat kuasa 1 Januari 2026. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan daripada Open University Malaysia (OUM).

Mempunyai lebih 26 tahun pengalaman dalam pengurusan agihan zakat dan penyampaian bantuan, beliau telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan program zakat sosial dan ekonomi yang berimpak tinggi. Beliau juga terlibat secara aktif dalam penyelarasan projek, pembangunan modul serta forum industri berkaitan pembangunan asnaf dan pemerkasaan komuniti.

Encik Md Yusmizan bin Yusuf
Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf



Encik Zulfirdaus bin Abu Hassan dilantik sebagai Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf pada 1 Jun 2023. Beliau berkelulusan Sarjana dalam Pengurusan dan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Beliau membawa lebih 17 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan dan kepimpinan. Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pengurusan Program di NAMA Foundation dari tahun 2018 hingga 2023, di mana beliau menyumbangkan kepakaran dalam pengurusan program serta pembangunan modal insan.

Encik Zulfirdaus bin Abu Hassan
Ketua Divisyen Pembangunan Asnaf

Kepimpinan Kanan



Encik Zulkepli bin Mad Yatim dilantik sebagai Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan dan Hab pada 22 Jun 2022. Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman di Zakat Selangor melalui pelbagai peranan di beberapa daerah di Selangor. Beliau berkelulusan Diploma Tahfiz Wal Qiraat dari Darul Quran JAKIM dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Encik Zulkepli bin Mad Yatim
Ketua Divisyen Perkhidmatan Cawangan dan Hab

Tarikh Peletakan Jawatan: 22 Disember 2025



Encik Naseri bin Salleh berkhidmat di Zakat Selangor sejak 1 Februari 2015 dan kini menerajui Divisyen Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Penilaian Hartanah dari Universiti Teknologi Malaysia serta merupakan seorang Pengurus Hartanah berdaftar.

Mempunyai lebih 30 tahun pengalaman, beliau memiliki kepakaran luas dalam pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan pembinaan hartanah. Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau pernah menyandang pelbagai peranan berkaitan pengurusan hartanah di Jones Lang Woolton, Negara Properties (M) Berhad, Land and General Berhad, Faber Facilities Sdn. Bhd. dan Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON).

Encik Naseri bin Salleh
Ketua Divisyen Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran

Kepimpinan Kanan



Encik Suaib bin Nyompa dilantik sebagai Ketua Divisyen Perolehan pada 27 Mac 2023. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Tanah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam pengurusan kontrak, perolehan, pembangunan vendor serta projek infrastruktur utama dan minyak & gas, baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pelbagai peranan di IJM Group Berhad, Dialog Group Berhad, TH Heavy Engineering Berhad serta beberapa anak syarikat PETRONAS, di mana beliau menerajui fungsi perolehan dan kontrak.

Encik Suaib bin Nyompa
Ketua Divisyen Perolehan



Encik Mohd Firdaus bin Kamarudin berkhidmat sebagai Ketua Divisyen Kualiti dan Jaminan sejak 1 Ogos 2019. Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Open University Malaysia (OUM), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Diploma Tadbir Urus Korporat & Pematuhan dari Institut Tadbir Urus Basel.

Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman dalam persekitaran korporat dan multinasional, dengan pendedahan luas dalam sektor media serta pembuatan. Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pelbagai peranan di Media Prima, New Straits Times Press, Steelcase Manufacturing, FMP Automotive, SCA Hygiene dan GlaxoSmithKline.

Encik Mohd Firdaus bin Kamarudin
Ketua Divisyen Kualiti dan Jaminan

Kepimpinan Kanan



Encik Abdul Halim bin Abd Rahim menyertai Zakat Selangor pada 17 April 2018 sebagai Ketua Divisyen Teknologi Maklumat. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Sains Aktuari dari Universiti Iowa, Iowa City, Amerika Syarikat.

Mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri teknologi maklumat (IT), beliau memiliki kepakaran mendalam dalam perancangan projek, pengurusan projek serta pelaksanaan perkhidmatan. Sepanjang kerjayanya, beliau telah berkhidmat di pelbagai organisasi berasaskan teknologi termasuk Zanko Sdn. Bhd., Apex Communications Sdn. Bhd., Araken Sdn. Bhd., Cerner (M) Sdn. Bhd., Alam Teknokrat Sdn. Bhd., Abrar Group International dan AIA Co. Ltd.

Encik Abdul Halim bin Abd Rahim
Ketua Divisyen Teknologi Maklumat

Tarikh Peletakan Jawatan: 29 Julai 2025



Encik Shahnizam bin Abdul Hamid menyertai Zakat Selangor pada 28 Oktober 2019 sebagai Ketua Divisyen Audit Dalaman. Beliau merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah (CIA) serta ahli berdaftar dengan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (CMIIA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau membawa lebih 20 tahun pengalaman teknikal dalam audit dalaman, pengurusan risiko, pematuhan dan tadbir urus korporat merentas pelbagai industri seperti perkhidmatan kewangan, pembuatan, penerbangan dan perladangan. Sebelum menyertai Zakat Selangor, beliau pernah berkhidmat di pelbagai sektor dan syarikat tersenarai awam termasuk RHB Bank Berhad, PERODUA dan Malaysia Airports Holdings Berhad.

Encik Shahnizam bin Abdul Hamid
Ketua Divisyen Audit Dalaman

Kepimpinan Kanan



Datin Setia Hajah Norajun Ainun binti Dato' Mohd Hashim menerajui fungsi hubungan pihak berkepentingan di Zakat Selangor sejak November 2024, setelah memegang peranan kepimpinan dalam perhubungan korporat dan pihak berkepentingan sejak 2008. Beliau membawa lebih 39 tahun pengalaman merentas pelbagai organisasi korporat tempatan dan antarabangsa.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pelbagai peranan di The New Straits Times Press Berhad, Amanah Capital Malaysia Berhad, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Radicare Malaysia Sdn. Bhd. dan beberapa organisasi lain. Pengalaman luas beliau menyokong penglibatan pihak berkepentingan, komunikasi serta pengurusan perhubungan korporat organisasi.

Datin Setia Hajah Norajun Ainun binti Dato' Mohd Hashim
Ketua Perhubungan *Stakeholder*



Encik Mohd Sazali bin Mohd Salleh berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari UiTM dan merupakan Certified Integrity Officer yang diiktiraf oleh SPRM. Beliau juga memegang kelayakan Certified Professional Integrity and Assurance Management dari USM serta Diploma Pengajian Perbankan dari ITM. Beliau menyertai Zakat Selangor pada 4 Mac 2013 sebagai Ketua Jabatan Audit Dalaman.

Kini beliau berkhidmat sebagai Ketua Divisyen Pengurusan Risiko, Integriti dan Keselamatan Siber sejak 1 Disember 2021. Beliau mempunyai lebih 36 tahun pengalaman dalam audit dan pengurusan risiko merangkumi industri perbankan, hartanah dan percukaian. Kerjaya terdahulu beliau termasuk peranan penting di Bank Negara Malaysia, Credit Corporation Malaysia Berhad, Southern Finance Berhad dan sebagai Ketua Audit Dalaman di UDA Holdings Berhad.

Encik Mohd Sazali bin Mohd Salleh
Ketua Divisyen Pengurusan Risiko, Integriti dan Keselamatan Siber

Asas Tadbir Urus & Akauntabiliti

Dalam memperkukuh pematuhan serta bertindak segera terhadap risiko ketidakpatuhan, kami menerapkan model tiga barisan pertahanan *(three lines of defence)* seperti berikut:



Barisan Pertama

- **Semua divisyen dan jabatan:** Diberi pemilikan, tanggungjawab dan akauntabiliti untuk menilai, mengawal serta bertindak balas terhadap kepatuhan syariah secara tidak langsung.

Barisan Kedua

- **Unit Kepatuhan Undang-undang**
  Menjalankan program kepatuhan undang-undang, enakmen dan peraturan, dengan mengenalpasti, mengukur, merancang dan membetulkan sebarang isu berkaitan. Unit ini dipandu dan disokong Pengurusan Tertinggi dan Jawatankuasa Risiko & Kepatuhan.
- **Unit Kepatuhan Syariah**
  Memastikan semua operasi Zakat Selangor patuh syariah dengan menjadikan fatwa dan resolusi syariah sebagai rujukan utama. Tahap kepatuhan divisyen-divisyen dan jabatan-jabatan diselia melalui dokumen daftar Matriks Penilaian Kepatuhan.
- **Jabatan Pengurusan Risiko**
  Mengurus daftar risiko berkaitan pematuhan undang-undang dan syariah. Jabatan ini melapor kepada Jawatankuasa Risiko & Pematuhan untuk mengenal pasti, menganalisis dan memantau kawalan risiko.
- **Jabatan Kualiti**
  Memastikan dokumen dan rekod kualiti agar diselia dengan baik, dan setiap polisi, garis panduan dan prosedur bagi setiap produk atau perkhidmatan mengandungi langkah kawalan mencukupi. Audit kualiti tahunan dijalankan untuk menyemak semula proses, dokumen dan rekod supaya menepati standard.

Barisan Ketiga

- **Juruaudit Dalaman:** Bergerak bebas memeriksa barisan pertahanan pertama dan kedua untuk supaya adil dan bertanggungjawab. Tumpuan utama adalah mengenal pasti kelemahan dan risiko operasi dan pengurusan di Zakat Selangor.
- **Pegawai Kepatuhan:** Bertindak sebagai fungsi silang dalam kedua-dua barisan pertahanan pertama dan kedua di peringkat divisyen. Mereka dilantik oleh ketua divisyen masing-masing bagi membantu pelaksanaan program dan aktiviti kepatuhan syariah dan undang-undang.
- **Lembaga Pemegang Amanah dan Pengurusan Tertinggi:** Menerima makluman berkala mengenai program pematuhan pengurusan serta menekankan nilai kejujuran dan integriti dalam setiap aktiviti dan tingkah laku warga kerja. Sokongan turut diberikan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah dalam hal-hal yang berkaitan bidang kuasa mereka.


Pematuhan Syariah

Sebagai sebuah institusi berteraskan agama, pematuhan syariah merupakan tunjang utama bagi semua amalan organisasi kami. Kepercayaan muzakki, asnaf dan masyarakat Islam di Selangor secara keseluruhannya bergantung kepada keupayaan dan rasa tanggungjawab kami dalam menguruskan zakat secara holistik. Sebarang kepincangan dalam pematuhan syariah boleh menjejaskan reputasi serta kredibiliti kami.

Sehubungan itu, kami memberikan penekanan yang teguh terhadap pematuhan syariah di samping amalan tadbir urus yang lain, bagi memastikan prinsip-prinsip ini sentiasa terpelihara. Dalam memenuhi kewajipan perundangan dan pematuhan peraturan, peranan serta tanggungjawab teras kami dipandu oleh instrumen tadbir urus utama berikut:

Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003	Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012

Pematuhan syariah di Zakat Selangor berpaksikan fatwa dan resolusi syariah serta ditadbir oleh Unit Kepatuhan Syariah melalui aliran kerja yang sistematik. Proses ini memastikan semakan dan kawalan yang berkesan bagi semua program dan aktiviti operasi. Laporan dikemukakan kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah untuk pengawasan rapi serta menjamin kepatuhan berterusan terhadap tuntutan syariah.



Pengurusan Risiko

Pengawasan risiko yang menyeluruh merupakan tunjang tadbir urus di Zakat Selangor. Sebagai institusi yang mengurus amanah zakat, amalan tadbir urus yang teguh adalah penting bagi mengurus risiko operasi dan kelestarian demi memelihara kepercayaan pihak berkepentingan. Kami menerapkan rangka kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) yang berstruktur berasaskan nilai-nilai Islam untuk menyokong pelaksanaan keputusan, memperkukuh dan melindungi nilai organisasi.

Rangka kerja ini turut membantu Lembaga Pemegang Amanah dan pengurusan dalam mengekalkan kawalan dalaman yang mantap melalui struktur pelaporan dan tanggungjawab yang jelas. Pengurusan risiko adalah tanggungjawab bersama, setiap warga kerja berperanan memastikan setiap tindakan dan keputusan sentiasa mengambil kira faktor risiko bagi melindungi operasi, reputasi serta aset organisasi.

Elemen Rangka Kerja	Penerangan
Tadbir Urus Risiko	Mewujudkan pendekatan untuk membangunkan, menyokong dan menerapkan strategi risiko serta akauntabiliti.
Penilaian Risiko	Mengenal pasti, menilai dan mengkategorikan risiko di seluruh organisasi.
Pengukuran dan Pengagregatan Risiko	Mengukur, menganalisis dan menggabungkan risiko.
Pemantauan dan Pelaporan Risiko	Melapor, memantau dan melaksanakan aktiviti untuk memberikan gambaran tentang kekuatan dan kelemahan pengurusan risiko.
Pengoptimuman Risiko dan Kawalan	Menggunakan maklumat risiko dan kawalan untuk menambah baik prestasi.

Pengurusan Risiko Perusahaan

Pendekatan Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM) kami memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan keupayaan Zakat Selangor untuk mencapai objektif strategiknya.

- Membudayakan amalan pengurusan risiko di semua peringkat organisasi bagi menyokong kutipan dan agihan zakat yang berkesan dan cekap.
- Memastikan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh serta selaras dengan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, sekali gus memberi jaminan kepada Lembaga.
- Menyediakan prinsip ERM yang jelas untuk membimbing semua ketua divisyen dalam mengurus tindakan dan keputusan berkaitan risiko dalam pasukan masing-masing.
- Menentukan konteks risiko organisasi, termasuk falsafah, strategi, dasar dan sistem operasi, bagi menyokong pendekatan pengurusan risiko yang tersusun dan berkesan.

Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan Pengurusan Risiko Kewangan kami memberi tumpuan kepada menilai keseimbangan kos dan manfaat bagi pilihan mitigasi risiko untuk menyokong perancangan operasi dan kewangan yang berasaskan maklumat.

- Menyediakan pemahaman yang tersusun mengenai risiko dan ketidaktentuan dengan menggabungkan pertimbangan profesional bersama kaedah analitikal dan kuantitatif.
- Mengenal pasti dan memantau risiko baharu melalui Petunjuk Risiko Utama (KRI), bagi memastikan keselarasan dengan tahap selera risiko dan toleransi risiko Zakat Selangor. Ini juga menyokong pengesanan awal serta analisis terhadap isu-isu berpotensi bagi mengelakkan insiden pada masa hadapan.
- Memastikan dana zakat mencukupi melalui pemantauan berterusan terhadap tahap dana, semakan kesihatan kewangan secara berkala dan kawalan kewangan yang kukuh. Pendekatan ini turut mengukuhkan kemampanan jangka panjang dana zakat.
- Menggunakan prinsip dan metodologi aktuari mengikut kesesuaian bagi menyokong proses mengenal pasti, mengukur dan mengurus risiko kewangan.

Pengurusan Kewangan Bertanggungjawab

Sebagai sebuah institusi agama, Zakat Selangor mengakui bahawa pengurusan kewangan yang berhemat adalah asas bagi melestarikan operasi jangka panjang dan memenuhi tanggungjawab kami terhadap komuniti, khususnya golongan asnaf. Sehubungan itu, kami kekal komited untuk mengekalkan prestasi dan tadbir urus kewangan yang teguh, berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti serta etika kerja yang tinggi.

Sistem Pengurusan Anti-Rasuah

Kami mengamalkan pendekatan sifar toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah, mencerminkan komitmen teguh kami terhadap integriti dalam pengurusan dana zakat. Pendekatan ini selaras dengan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 serta amalan terbaik industri bagi memupuk budaya bebas rasuah di semua peringkat operasi.

Setiap dana zakat yang diamanahkan diuruskan secara bertanggungjawab mengikut piawaian tadbir urus tertinggi bagi memastikan impak yang bermakna kepada penerima yang layak.

Zakat Selangor telah menerima pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS). Pensijilan ini menyediakan kerangka dasar dan garis panduan komprehensif yang memandu organisasi dan operasi kami dalam mencegah sebarang bentuk rasuah serta salah guna kuasa.

Polisi & Panduan Berkaitan Anti-Rasuah dan Salah Guna Kuasa

- Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat
- Polisi Hadiah
- Polisi Surat Sokongan dan Pengesahan Kerja
- Manual SPAR (ABMS)
- Prosedur Pengurusan Sumbangan / Penajaan Tunai Amil Zakat Selangor
- Prosedur Pengurusan Hadiah dan Keraian
- Prosedur Semakan Pematuhan Anti-Rasuah
- Prosedur Tindakan Wajar (*Due Dilligence*)
- Garis Panduan Konflik Kepentingan dan Pengisytiharan Harta
- Panduan Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan
- Polisi dan Garis Panduan Pembanterasan Rasuah dan Penyelewengan

Polisi dan Prosedur Anti-Rasuah dan Salah Guna Kuasa Dikomunikasikan Kepada Pihak Berkepentingan Melalui:

Lembaga Pemegang Amanah	• Mesyuarat Lembaga
Warga Kerja	• Program kesedaran integriti • e-mel, bunting, poster dan video
Pihak Berkepentingan Luar	• Program kesedaran integriti • Hari Kepatuhan (vendor dan ejen kutipan) • Taklimat tender (bakal vendor) • Media sosial rasmi dan laman sesawang (awam)

Penilaian Risiko Rasuah

Bagi memastikan risiko rasuah dalam operasi kami dikawal dengan berkesan, penilaian risiko berkaitan rasuah dilaksanakan dua kali setahun meliputi keseluruhan operasi. Pada tahun 2025, penilaian telah dijalankan ke atas keseluruhan operasi kami dan beberapa risiko rasuah yang ketara telah dikenal pasti dalam beberapa bidang operasi.

Risiko yang dikenal pasti	Memberi insentif (rasuah) kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendapatkan kelulusan projek.
Langkah pengurangan risiko	• Menambah baik Prosedur Pengurusan Projek Khas (Pembinaan). • Membangunkan prosedur berkaitan pengendalian data. • Menambah baik prosedur berkaitan proses permohonan bantuan. • Menyediakan mekanisme pengurusan situasi konflik kepentingan semasa proses permohonan bantuan.

Pendedahan Maklumat *(Whistleblowing)*

Zakat Selangor menggalakkan warga kerja dan pihak berkepentingan luar untuk melaporkan sebarang pelanggaran integriti, aktiviti penipuan atau salah laku. Bagi menyokong pelaksanaan ini, kami telah mewujudkan Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat yang komprehensif, bagi menyediakan mekanisme aduan yang selamat dan sulit. Rangka kerja ini memastikan kerahsian identiti serta perlindungan kepada pemberi maklumat, sekali gus membolehkan laporan dibuat tanpa risiko tindakan balas. Setiap insiden yang dilaporkan akan disiasat secara menyeluruh dan telus.

Pihak berkepentingan boleh mengemukakan aduan melalui pelbagai saluran berikut:

- Surat Rasmi: Dialamatkan kepada Pengerusi BRICC atau Ketua Jabatan Integriti di Ibu Pejabat Zakat Selangor, Shah Alam, Selangor.
- Talian Telefon: Hubungi 03-8314 2783 pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- Pertemuan Bersemuka: Di lokasi yang dipersetujui bersama.
- Borang Dalam Talian: Melalui borang pendedahan maklumat (*whistleblowing*) di laman sesawang Zakat Selangor.
- e-mel: Hantarkan ke aduintegriti@zakatselangor.com.my.
  (e-mel ini hanya boleh diakses oleh warga kerja Zakat Selangor yang diberi kuasa, iaitu Pengerusi BRICC dan Ketua Jabatan Integriti).

Ke hadapan, Zakat Selangor komited untuk terus memperkukuh usaha pencegahan rasuah dan salah guna kuasa, di samping mengurangkan risiko berkaitan perkara tersebut. Semakan berkala dijalankan terhadap polisi-polisi dan rangka kerja yang berkaitan bagi memastikan ia relevan dengan perubahan peraturan dan piawaian antarabangsa.

Pengurusan Warga Kerja & Bakat

Warga kerja merupakan tunjang utama kepada kelestarian dan penciptaan nilai jangka panjang untuk Zakat Selangor. Pengurusan warga kerja yang berkesan membolehkan kami memahami serta bertindak balas terhadap keperluan warga kerja yang sentiasa berkembang, selaras dengan peranan mereka sebagai asas kejayaan organisasi. Melalui penglibatan aktif, komunikasi terbuka dan saluran maklum balas yang konsisten, kami memupuk persekitaran kerja berteraskan kepercayaan, inklusiviti dan hormat-menghormati. Ini mengukuhkan rasa kekitaan, menyokong pengekalan bakat serta meningkatkan daya tahan organisasi.

Sejajar dengan komitmen kami terhadap amalan pengurusan warga kerja yang bertanggungjawab, kami berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat, bersifat menyokong dan kondusif. Persekitaran ini memelihara hak warga kerja, mengutamakan aspek kesihatan dan keselamatan serta memperkukuh kesejahteraan, di samping mewujudkan tempat kerja yang inklusif dan memperkasa setiap pihak.

Bagi memastikan pengurusan warga kerja yang berkesan, kami mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan tempatan berikut.

- Dasar-dasar berkenaan penghapusan masa kerja berlebihan dan pelaksanaan gaji minimum (atau upah sara hidup) sebagaimana tertakluk dalam Akta Kerja Malaysia 1955 (Seksyen 60A) dan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) (No. 2) 2022.
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350) bagi dasar yang berkaitan dengan buruh paksa atau buruh kanak-kanak.

Organisasi Zakat Bertaraf Dunia

- Organisasi Zakat yang Dipercayai
  - Saf Al Awwal (Kepimpinan)
- Peneraju Institusi Zakat Terkemuka
  - Membangunkan Keupayaan Amil
- Penyedia Perkhidmatan Zakat Bertaraf Dunia
  - 7 Nilai Teras



Pengurusan Warga Kerja

7 Nilai Teras

Nilai teras kami berfungsi sebagai asas kepada budaya kerja kami, membimbing bagaimana warga kerja diharapkan untuk berkelakuan dan menjalankan tanggungjawab mereka. Bagi memupuk budaya ini, kami mempromosikan tujuh nilai teras untuk dihayati oleh semua warga kerja:

Beriman | Berilmu | Inovasi | Amanah | Kerjasama | Empati | Komitmen

Program Utama:

- **Kepimpinan Melalui Teladan (*Leadership Championing*):** (CEO Breakfast, Tea Talk / Townhall, HOD Value Pep Talk)
- **Mencipta Kesedaran:** (Program Teaser Mingguan, Leaders Take Charge, Amil Take Charge, 45 Minit, Bacaan Surah Yasin, Pertandingan Dalaman, Kempen Nilai, Halaqah, Buku Nilai, Lagu Nilai)
- **Amalan Warga Kerja & Penyelarasan Prestasi Bersepadu:** (Sistem Pengurusan, Integrasi Sumber Manusia, Pengambilan, Sistem Pengurusan Prestasi, Pembelajaran & Pembangunan, Panduan Konflik Kepentingan, Anugerah Amil Muflihun, Skor Nilai Teras)
- **BEAM (Membina Sikap & Minda Cemerlang)**

Saf Al Awwal (Kepimpinan)

Saf Al Awwal (Kepimpinan) merupakan inisiatif perancangan penggantian kepimpinan yang direka untuk membangunkan warga kerja yang berpotensi tinggi. Program ini bertujuan melengkapkan bakal pemimpin dengan kemahiran dan ketangkasan yang diperlukan untuk memacu pertumbuhan organisasi serta kecemerlangan perkhidmatan pada masa hadapan.

Program Utama:

- Pengurusan Bakat Perancangan Penggantian Kepimpinan
- Pusat Penilaian & Penilaian 360 Darjah
- Program Pembangunan Kepimpinan Eksekutif
- Program Pembangunan Pengurusan
- Program Pembangunan Dipercepatkan (Accelerated Development Programme)
- Program Pembangunan Kepimpinan Kanan
- Pembangunan Toolkit Pengurus (Manager's Toolkit)

Membangunkan Keupayaan Amil

Kami komited terhadap pembangunan profesional berterusan bagi membentuk tenaga kerja yang mahir dan tangkas. Fokus kami adalah untuk memastikan warga kerja dilengkapi dengan kompetensi yang tepat agar mereka dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan memberikan perkhidmatan bertaraf tinggi demi kejayaan jangka panjang.

Program Utama:

- Kompetensi Teknikal & Fungsi Bahagian
- Kajian / Penilaian Keupayaan
- Program Kemahiran Semula & Peningkatan Kemahiran (*Reskilling & Upskilling*)
- Pembangunan Laluan Kerjaya dan Pelan Pembangunan Berasaskan Kumpulan Pekerjaan
- Program Pensijilan Profesional (contohnya, SPPZ dan Kerja Sosial)
- Platform / Aplikasi e-Pembelajaran (eiLMU)
- Program Kesedaran Digital (Digital Pep, Digital Pep Talk, Ms Suite & IR 4.0)
- Adaptasi kepada Pendekatan Pembelajaran Hibrid
- Program Penasihat Zakat Bertauliah





Pembangunan Bakat

Kami mengakui bahawa pembangunan bakat merupakan elemen penting dalam membentuk warga kerja yang berkeupayaan dan bersedia menghadapi masa hadapan, selaras dengan mandat organisasi dalam usaha menyantuni asnaf. Peningkatan kemahiran dan pengukuhan pengetahuan secara berterusan menjadi keutamaan bagi memastikan warga kerja kekal tangkas, berdaya tahan dan responsif terhadap keperluan yang sentiasa berkembang. Pelaburan dalam pembangunan warga kerja memperkukuh keberkesanan operasi, meningkatkan keupayaan pengurusan risiko serta menyokong kelestarian dan penciptaan nilai jangka masa panjang. Pengurusan bakat dilaksanakan berasaskan enam aspek utama seperti yang dihuraikan di bawah.



Pengambilan Bakat

- Melibatkan usaha menarik dan merekrut bakat yang tepat untuk organisasi
- Meliputi proses pemilihan, temu duga serta penempatan bakat baharu



Pembangunan Bakat

- Memberi tumpuan kepada pembangunan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan warga kerja melalui program peningkatan kemahiran (*upskilling*), penyesuaian semula kemahiran (*reskilling*) dan pembangunan profesional.



Pengekalan Bakat

- Mengekalkan bakat yang mahir dan berpengalaman melalui pelaksanaan program Saranan Nilai Pekerja (*Employee Value Proposition*) seperti:
  - Laluan kerjaya pekerja
  - Semakan pakej ganjaran dan penghargaan



Perancangan Penggantian

- Menyediakan keperluan kepimpinan masa hadapan melalui pengenalpastian dan pembangunan pekerja berpotensi tinggi (Hi-Po) serta bakat dalaman melalui pelbagai program pembangunan kepimpinan, termasuk Program Pembangunan Kepimpinan Dipercepatkan (LADP)



Ganjaran dan Faedah

- Mengkaji semula pelan ganjaran dan faedah semasa
- Membangunkan pakej ganjaran yang lebih kompetitif untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik



Penglibatan Warga Kerja

- Memupuk persekitaran kerja positif yang menggalakkan keterlibatan pekerja.
- Menerapkan budaya Zakat Selangor yang kukuh melalui pelbagai program libat urus
- Memantau dan mengurus kepuasan warga kerja melalui kaji selidik serta Amara.ai, sebuah *chatbot* pemantauan maklum balas berterusan

Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Keselamatan kekal menjadi keutamaan asas di seluruh organisasi kami. Pendekatan kami terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dipandu oleh Polisi KKP yang komprehensif, yang menjadi tunjang kepada semua amalan dan inisiatif berkaitan.

28

Akta & peraturan yang terpakai

Peraturan KKP Utama

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Kilang dan Jentera 1967

Polisi & Pelaksanaan KKP

Polisi KKP kami menyediakan kerangka yang teratur bagi melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Polisi ini memperkukuh komitmen kami untuk menjaga kebajikan warga kerja dan kontraktor, dengan tumpuan kepada pencegahan kemalangan serta penyakit berkaitan pekerjaan, sambil mematuhi peraturan dan piawaian industri yang diiktiraf.

Pelaksanaan sistem pengurusan KKP di Zakat Selangor didorong oleh komitmen padu pihak pengurusan atasan, dengan sokongan dan penyertaan aktif daripada semua pihak termasuk kakitangan, kontraktor, vendor dan pelanggan. Sistem ini selaras dengan garis panduan keselamatan antarabangsa dan diguna pakai secara konsisten dalam semua aktiviti, projek, perkhidmatan serta proses pengurusan kami.

Selain itu, Zakat Selangor turut mengamalkan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) bagi memperkukuh lagi amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Struktur Tadbir Urus KKP

Jawatankuasa KKP, yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Selangor, bertanggungjawab memantau inisiatif keselamatan dan kesihatan organisasi secara strategik. Jawatankuasa ini disokong oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan selaku setiausaha serta barisan pengurusan atasan (*C-Suite*), eksekutif dan wakil daripada pihak pengurusan serta warga kerja. Struktur ini menjamin tadbir urus yang menyeluruh dan memperkukuh perlindungan kebajikan di setiap aktiviti operasi dan pembinaan.

Jawatankuasa KKP dalam Operasi Perusahaan

- Bertindak sebagai penasihat dalam perkara yang berkaitan dengan keperluan undang-undang dan peraturan KKP.
- Mengurus risiko berkaitan KKP (HIRARC — Pendaftaran dan penilaian langkah kawalan berdaftar bagi setiap bahagian).
- Memastikan pemantauan dan pemeriksaan KKP dilaksanakan di premis Zakat Selangor.
- Memastikan latihan berkaitan KKP dan keperluan kompetensi disediakan.
- Mengurus keperluan penilaian kesihatan untuk warga kerja selaras dengan keperluan undang-undang KKP.
- Mengurus kemalangan dan insiden berkaitan KKP di tempat kerja.

Jawatankuasa KKP dalam Projek Pembinaan

- Memantau pembinaan, pengubahsuaian dan penaiktarafan projek berkaitan kejuruteraan bangunan milik Zakat Selangor.
- Menguruskan sistem permit kerja bagi keperluan kontraktor dan vendor.
- Menyemak dan menilai keperluan KKP untuk dokumen kontrak, termasuk sebut harga, surat setuju terima dan dokumen tender.
- Memantau dan menyelenggara sistem keselamatan kebakaran pasif dan aktif di semua premis milik Zakat Selangor.

Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)

Tunjang utama pengurusan KKP kami adalah pelaksanaan HIRARC secara sistematik. Proses ini dijalankan dua kali setahun dengan sokongan pegawai HIRARC yang dilantik daripada setiap divisyen dan jabatan bagi memastikan penglibatan menyeluruh di peringkat organisasi. Proses HIRARC mengikut kitaran yang teratur dan berdisiplin untuk memastikan bahaya di tempat kerja bukan sahaja dikenal pasti secara sistematik, malah dikurangkan dan dikawal dengan berkesan.



Pematuhan KKP

Kami memberi penekanan utama dalam mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui langkah kawalan yang berkesan. Bagi memastikan piawaian ini dipatuhi, tahap pematuhan KKP dinilai melalui pemeriksaan dan penilaian dua kali setahun. Selain itu, pemeriksa kami turut menyertai taklimat dan program latihan berkala bagi memastikan kecekapan serta kemampuan mereka sentiasa seiring dengan keperluan yang ditetapkan.

Prosedur Pelaporan Insiden di Tempat Kerja	• Bahaya berkaitan pekerjaan dikategorikan sebagai "kemalangan nyaris" • Pekerja atau penyelia di dalam premis hendaklah melaporkan insiden ini dengan segera kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
Prosedur Pemeriksaan dan Penilaian KKP di Tempat Kerja	• Pemeriksa di setiap jabatan untuk mengenal pasti dan melaporkan sebarang situasi, keadaan, atau faktor persekitaran semasa pemeriksaan tempat kerja • Dapatan pemeriksaan ini kemudiannya didaftarkan dengan JKKP

Langkah Pencegahan

Di Zakat Selangor, kes nyaris kemalangan (*near-miss*) dianggap sama penting dengan kemalangan sebenar. Warga kerja, penyelia dan kakitangan premis diwajibkan melaporkan segera sebarang kejadian kepada JKKP.

Apabila insiden berlaku, pasukan siasatan pelbagai fungsi akan dibentuk untuk mengenal pasti punca kejadian. Hasil siasatan kemudiannya dibentangkan kepada Jawatankuasa KKP untuk dinilai bagi melaksanakan tindakan pembetulan dan pencegahan yang sewajarnya. Ini bagi memastikan risiko kejadian berulang dapat dikurangkan ke tahap minimum.

Pengurusan Rantaian Bekalan

Pengurusan Rantaian Bekalan memainkan peranan penting dalam memacu agenda kelestarian Zakat Selangor melalui amalan perolehan yang cekap dan bertanggungjawab.

Kami menerapkan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam semua keputusan dan aktiviti perolehan. Ini memastikan tanggungjawab korporat diamalkan secara menyeluruh sepanjang rantaian bekalan, selaras dengan jangkaan pihak berkepentingan.

Kami komited untuk mengamalkan amalan perolehan mampan yang memberikan nilai jangka panjang, khususnya kepada komuniti asnaf. Pendekatan ini membantu kami memperkukuh reputasi, mengurangkan risiko operasi, mengoptimumkan kos dan menyokong penciptaan nilai secara berterusan.

Prinsip ESG kini menjadi teras utama dalam Polisi Perolehan kami bagi menjamin konsistensi dan akauntabiliti di seluruh organisasi. Amalan perolehan kami diperkukuh lagi melalui tiga dimensi utama ESG seperti yang digambarkan dalam rajah berikut.

Alam Sekitar

Zakat Selangor menggunakan pendekatan digital bagi mengurangkan penggunaan sumber dan pengeluaran karbon. Ini merangkumi, penggunaan sistem Customer Relationship Management (CRM), sistem e-Perolehan dan sistem e-Agreement dalam aktiviti perolehan harian. Pemantauan dan pengukuran prestasi pula dibantu oleh teknologi analitik data.

Sosial

Zakat Selangor sentiasa mengutamakan sumber tempatan bagi mengukuhkan daya tahan perolehan di samping mengurangkan kesan jangka panjang terhadap alam sekitar. Sokongan terhadap perusahaan tempatan juga dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan termasuk asnaf.

Tadbir Urus

Bagi memahami isu melibatkan pembekal dan warga kerja berkaitan amalan perolehan lestari di Zakat Selangor, sesi libat urus diadakan secara berkala bersama vendor dan pihak berkepentingan lain, seperti sesi perancangan perolehan dan sesi permulaan projek (*project kick-off*).

Pengurusan Keselamatan Siber

Kami komited untuk memperkukuh keselamatan siber. Bagi menyokong objektif ini, kami telah mengadaptasi rangka kerja Keselamatan Siber (CSF) 2.0 oleh National Institute of Standards and Technology (NIST) sebagai rujukan utama. Berpandukan struktur dan fungsi teras NIST CSF, rangka kerja ini menjadi rujukan kami dalam membangunkan keupayaan keselamatan siber yang berdaya tahan melalui metodologi berasaskan penilaian risiko yang tersusun.



Pasukan Operasi	Pasukan Pengurusan Risiko	Audit Dalaman
Merangkumi operasi IT, pentadbiran rangkaian, keselamatan peranti (*endpoint*), sokongan aplikasi serta pengurusan dan perlindungan aset teknologi harian.	Melibatkan penilaian risiko, pembangunan prosedur dan garis panduan serta keselamatan ofensif (*offensive security*).	Menjalankan penilaian dan audit bebas bagi menilai keberkesanan pengurusan risiko serta proses kawalan.

Mengenal pasti	Kami melaksanakan penilaian risiko yang menyeluruh bagi mengenal pasti dan mengutamakan risiko keselamatan siber, membolehkan pendekatan proaktif dalam menangani potensi ancaman.
Melindungi	Kami melaksanakan langkah perlindungan yang kukuh merangkumi kawalan akses, penyulitan, proses dan prosedur perlindungan, penyelenggaraan serta latihan keselamatan.
Mengesan	Fungsi pengesanan kami memberi amaran kepada organisasi terhadap serangan siber melalui pemantauan kejanggalan (anomali) dan insiden keselamatan, pemantauan berterusan serta proses pengesanan yang tersusun.
Tindak Balas	Fungsi tindak balas kami adalah untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil sekiranya berlaku serangan siber dan insiden keselamatan siber yang lain. Kami menguji dan membangunkan pelan tindak balas insiden secara berkala bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan.
Pemulihan	Aktiviti pemulihan kami berfokuskan kepada pelaksanaan pelan ketahanan siber dan menjamin kesinambungan operasi susulan serangan siber, pelanggaran keselamatan, atau peristiwa keselamatan siber yang lain. Kami telah menetapkan pelan pemulihan bencana untuk mengurangkan tempoh gangguan serta mempercepatkan pemulihan sistem dan data.

Inisiatif Keselamatan Siber

Kami telah menerapkan budaya celik keselamatan siber bagi mengurangkan risiko kesilapan manusia, mengukuhkan kesediaan teknikal serta meningkatkan tahap keselamatan organisasi secara keseluruhan. Jabatan Keselamatan Siber memantau penerapan dan pelaksanaan amalan ini melalui inisiatif berikut:

Pengurusan Risiko Siber

Mengenal pasti dan menilai ancaman berpotensi terhadap aset sistem maklumat secara berterusan, serta melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan risiko tersebut.

Pelan Tindak Balas Insiden Siber (CIRP) dan Pembangunan *Playbook*

Pelan Tindak Balas Insiden Siber (CIRP) dan *playbook* memastikan Zakat Selangor sentiasa bersedia melindungi aset ICT serta mengekalkan kesinambungan operasi melalui prosedur dan peranan yang jelas.

Latihan Kesedaran Keselamatan Siber (Suku Tahunan)

Mendidik warga kerja mengenai ancaman berpotensi serta amalan terbaik bagi memperkasa mereka sebagai barisan pertahanan pertama dalam melindungi maklumat sensitif dan sistem Zakat Selangor.

Komunikasi Berterusan melalui E-mel

Hebahan e-mel berkala mengenai ancaman siber dan amalan terbaik dapat memupuk budaya kewaspadaan dan kesedaran berterusan dalam kalangan warga kerja.

Penilaian Kerentanan dan Ujian Penembusan (VAPT)

VAPT memperkukuh keselamatan siber dengan menangani kelemahan sistem lebih awal, manakala simulasi *phishing* pula dilaksanakan untuk menilai kepekaan warga kerja serta keberkesanan latihan dalam menghadapi ancaman pancingan data.

Latihan *Tabletop*

Kami menyediakan simulasi serangan siber bagi menguji pelan tindak balas dan mengenal pasti jurang sedia ada. Latihan ini meningkatkan kesiapsiagaan dengan memperjelaskan peranan serta tanggungjawab setiap pasukan.

Latihan *Red Team*

Simulasi serangan sebenar dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan sistem dan menguji keberkesanan kawalan keselamatan sedia ada. Latihan ini menilai tahap kesiapsiagaan Zakat Selangor secara realistik.

Hari Siber (sebagai agenda dalam Hari Kepatuhan)

Kami mendidik para pekerja melalui seminar, simulasi serangan siber serta aktiviti interaktif seperti kuiz dan permainan bagi memupuk budaya yang peka terhadap keselamatan serta mengurangkan risiko insiden siber.

Simulasi *Phishing* (Bulanan)

Kami melaksanakan simulasi *phishing* secara berkala untuk memperkukuh kesiapsiagaan warga kerja dan menilai keberkesanan program kesedaran keselamatan siber sedia ada.

Penilaian Semula Kematangan Siber

Penilaian semula kematangan siber membantu mengenal pasti ruang penambahbaikan, mengukur kemajuan berbanding penilaian terdahulu, serta memastikan Zakat Selangor terus menyesuaikan diri dengan ancaman siber yang sentiasa berkembang dan piawaian industri.